Dr Lim Chong Eu: Sir, may I ask the Honourable Minister of Education whether the Government would further reconsider this question of raising school fees in the light of future review of the education policy hinted by the Minister of Finance in his Budget speech, that is to say, Sir, for example, if we in this country were to look into the question of primary to secondary level education, taking 11 years, whereas primary to secondary education could be done in 10 years and even 9 years in other countries, that would certainly cut down the total cost of expenditure in terms of two years or one year?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, kita belum sampai kepada jambatan itu lagi.

Tuan C. V. Devan Nair: May I ask the Minister, Sir, to consider the suggestion that it might be worth the Ministry's while to cause a study to be made of the extent to which these increases have affected parents and pupils, say, how many pupils have as a result of these increases been obliged to stop their schooling? Would the Minister consider instituting a survey of that so that we might be able to find out later whether this matter should be reconsidered?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya. Tiap² Guru Besar akan di-minta menghantar laporan kepada Kementerian atas hal ini.

PERASAAN TIDAK PUAS HATI TERHADAP KEMENTERIAN PELAJARAN MENYELENGGARAKAN PEPEREKSAAN MASOK KATINGKATAN ENAM

13. **Tuan C. V. Devan Nair** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah

dia sedar akan hal merebak-nya perasaan tidak puas hati di-kalangan ibu² bapa dalam tempoh tiga tahun yang lampau terhadap Kementerian Pelajaran menyelenggarakan peperiksaan masuk ka-Tingkatan Enam, di-mana ramai penuntut² yang chekap dalam sekolah telah gagal dalam peperiksaan sedangkan yang lain-nya yang selalu tidak begitu baik dalam sekolah, lulus peperiksaan, dan ini menguatkan shak wasangka bahawa ada kalangan yang mengubah keputusan² peperiksaan; dan jika sedar, sila buat kenyataan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, keputusan peperiksaan Masok Tingkatan Enam ada-lah berdasarkan sa-mata² kepada kebijaksanaan, atau pun kepandaian yang ditunjukkan oleh chalun² dalam peperiksaan itu dan penilaian yang diberikan oleh sekolah² tidak sa-kali² ditimbangkan.

Pemilihan yang di-buat dalam peperiksaan ini memerlukan chalun² menunjukkan mutu² kepandaian yang tinggi dan oleh hal yang demikian tidak-lah benar jika di-katakan bahawa dalam semua hal penilaian yang di-buat oleh sekolah itu sa-mesti-nya salaras dengan keputusan peperiksaan.

Perasaan shak dan keraguan bahawa keputusan peperiksaan telah di-ganggu tidak-lah berasas dan mempunyai niat jahat sa-mata² dan sengaja di-sebarkan oleh pihak² yang tidak bertanggungjawab bagi kepentingan mereka sendiri.

Dalam pada itu saya telah menimbangkan sa-mula perkara peperiksaan Tingkatan Enam itu pada keseluruhannya dan telah mengambil keputusan bahawa mulai dari tahun ini peperiksaan itu akan di-mansokhkan.

Dr Lim Chong Eu: Sir, last year, I did bring out this question of entrance examination and it is gratifying to know that after one year the Honourable Minister has decided to do away with the entrance examination. May I ask the Minister of Education whether under those considerations the Cambridge Examination would then become the qualifying medium of entrance into Sixth Form?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya.

Dr Lim Chong Eu: Sir, under those circumstances, will the Honourable Minister tell us what he plans with regard to further establishing the Malayan or Malaysian Examination Syndicate as the prime examination body in this country?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, perkara ini dalam perundingan kita dengan pihak University of Malaya dan juga Cambridge Examination Syndicate.

Dr Lim Chong Eu: Sir, last year, when I did raise this question of whether the Honourable Minister could use either the Cambridge or the Entrance Examination as the only medium to avoid confusion I brought up one other point, namely, if the Honourable Minister has now decided that the Cambridge Examination should be the examination whereby students are gauged for entrance. Will the Honourable Minister immediately take steps to discuss with the Cambridge Examination Syndicate the position of the Malay Language and the National Language, so that the students sitting for the Malay paper in the Cambridge Examination will have standards which are equivalent to the Malayan Entrance Examination, because the Cambridge paper for Malay is certainly different in concept and in level of standard from what we have established for the Malayan Certificate of Examination?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, saya telah pun mengambil tindakan menukarkan, ia-itu mulai tahun ini untuk peperiksaan yang dijalankan di-sini, National Language itu tidak ada lagi, chuma paper Malay I dan Malay II dan begitu juga kita akan berhubung dengan Cambridge Examination Syndicate supaya term yang samacham itu juga di-gunakan untuk peperiksaan Cambridge. Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga pasokan daripada Cambridge Examination Syndicate ada-lah di-jangka akan sampai di-sini tidak berapa lama lagi untuk berunding dengan pihak Kementerian dalam hal ini.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister of Education tell us what will be the criteria then for admission into the Lower Sixth—based on the Senior Cambridge or on the M.C.E. results?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, saya tidak dapat memberi jawapan itu pada masa ini, kerana perkara ini masih lagi dalam urusan Kementerian.

Dr Lim Chong Eu: Sir, in view of the fact that the Honourable Minister has informed this House that representatives from the Cambridge Examination Syndicate will be coming here for consultations, will the Honourable Minister assure us that these consultations, particularly with regard to the national language and national language examinations, will be carried out exhaustively to make sure that the students, who will be sitting for the Cambridge Examination this year, can pass the National Language Examination even in Malay Paper II, because the Cambridge Examination standards for the Malay examinations are conducted in a manner which are not consonant with what we know Bahasa Kebangsaan to be, and because it is carried out in the Jawi script and training in the Jawi script, and insist on knowledge of Jawi? Under those circumstances, Sir, even the students who are taking the Malay Language classes from the Malay-medium or National-medium classes, may not even pass the Cambridge Malay Paper I.

Tuan Mohamed Khir Johari: Perkara ini di-ambil ingatan.

TUNJOK PERASAAN TERHADAP PELAKSANAAN ACT BAHASA KEBANGSAAN

14. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah benar bahawa cherdek-pandai² Melayu yang menentang Act Bahasa Kebangsaan akan mengadakan satu tunjok perasaan pada hari pelaksanaan kelak;

- (b) apa-kah kesatuan mereka atau ada-kah mereka itu kakitangan Kerajaan; dan
(c) apa-kah tindakan Kerajaan hendak ambil terhadap mereka.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, jawapan kepada: (a) Act Bahasa Kebangsaan telah berjalan kuat-kuasa-nya mulai 1hb September, 1967. Pada tarikh tersebut tidak ada tunjok² perasaan yang telah di-atorkan oleh gulongan² cherdek-pandai² Melayu yang menentang Act tersebut. Chuma tunjok² perasaan sa-chara kilat sahaja telah di-adakan oleh gulongan² yang telah di-hasut oleh pehak kiri Parti Buroh Malaya. Jika pun ada mereka yang telah merancang terlebih dahulu, tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa gulongan cherdek-pandai Melayu tersebut ada terlibat dalam tunjok² perasaan itu. Sa-lain dari apa yang berlaku di-Pulau Pinang, tidak ada tunjok² perasaan di-tempat² lain pada tarikh pelaksanaan Act Bahasa Kebangsaan itu.

Jawapan kepada soal (b) soalan ini tidak berbangkit, dan kepada (c) soalan ini juga tidak berbangkit. Akan tetapi, jika sa-kira-nya ada gulongan² mana sa-kali pun yang berhajat menentang Act Bahasa Kebangsaan sa-chara haram dan tindakan² mereka itu merbahaya kepada ketenteraman dalam negeri, Kerajaan tentu akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya mengikut Undang² yang tersedia ada bagi mengelakkan apa- kejadian yang mungkin merosakkan keamanan dalam negeri.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran yang telah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi dalam masaalah tersebut telah nyaring di-suarakan oleh gulongan yang tertentu menentang Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang di-luluskan itu dan menudoh Kerajaan mengkhianat—orang² Melayu. Dalam simposium penduduk luar bandar yang di-adakan oleh cherdek-pandai daripada universiti kita di-kuliah Universiti Malaya pada tahun yang lalu, ada-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersetuju

bahawa simposium itu—yang suchi itu—tujuan-nya untuk melepaskan geram, atau pun dengan sebab tidak dapat menunjokkan perasaan itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya ingat melepaskan geram.

MENUBOHKAN PERBADANAN UNTUK MENGGALAKKAN PELANCHONGAN

15. Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kerajaan telah membuat apa² keputusan untuk menubuhkan sa-buah perbadanan menggalakkan pelanchongan dengan pehak Kerajaan sa-bagai pemegang saham yang banyak, dan jika tidak, apa-kah langkah² Kerajaan berchadang hendak ambil untuk menggalakkan lagi perusahaan yang berfaedah kapada negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Kerja mengenai Pelanchongan yang di-Pengerusikan oleh Setia-usaha Tetap, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sudah pun mengkaji berbagai² jenis pertubohan bagi menggalakkan dan memajukan pelanchongan di-beberapa negeri dan mendapati dari 85 buah negeri yang menjadi Ahli International Union of Official Travel Organisations (IUOTO), 74 telah mengelolakan perusahaan pelanchongan melalui Jabatan Kerajaan dan hanya 11 negeri sahaja yang mengusahakan melalui pertubohan² yang tidak kaitan dengan Kerajaan. Dalam pada itu 8 dari 11 negeri tersebut mengelolakan perusahaan pelanchongan di-bawah kuasa pentadbiran Jabatan² Kerajaan. Di-antara 3 pertubohan itu, sa-buah telah menjalankan usaha atas dasar sama rata, atau 50-50 basis dengan badan bersendirian. Sa-buah mempunyai satu chara terpilih, atau chosen instrument bagi pembangunan pelanchongan dan yang sa-buah lagi mengusahakan-nya chara bersendirian dengan bantuan Kerajaan. Jawatan-kuasa Kerja itu sa-terus-nya menolak pendapat² supaya usaha²

memajukan dan memperkembangkan perusahaan pelanchongan di-jalankan melalui sa-buah badan berkanun, atau lembaga, kerana sa-suatu badan samupama itu tidak mungkin akan mempunyai kuasa yang di-perlukan untuk bergerak dengan lancar sa-lagi kasesmua 13 Negeri² di-Malaysia terus menikmati sa-bahagian besar hak berkuasa sendiri.

Jawatan-kuasa Kerja itu telah memberikan sokongan supaya Jabatan Pelanchongan di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan terus bertanggung-jawab dalam soal pelanchongan, dan hendak-lah ia-nya diperkokoh serta di-perbesarkan untuk membolehkan-nya menjalankan segala shor² yang di-kemukakan dengan lancar dan berkesan.

Shor² yang telah di-buat oleh Jawatan-kuasa Kerja itu meliputi kasesmua aspek² perusahaan pelanchongan dalam Malaysia dan pada masa sekarang perbinchangan di-antara Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dengan Kementerian², Jabatan² Persekutan dan Kerajaan² Negeri yang berkaitan dengan tujuan untuk melaksanakan-nya sedang berjalan

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampak-nya peniaga², pedagang² di-Malaysia ini susah hendak memulakan bangunan², atau pun perusahaan² pengangkutan dan lain² supaya menggalakkan pelanchongan datang kamari, dengan kerana mereka bimbang, barangkali kalau di-mulakan hotel, pengangkutan dan lain², pelanchong tidak datang. Dan barangkali pula pelanchong sekarang tidak dapat dengan besaran² berusaha datang kamari dengan kerana hotel dan pengangkutan dan lain²-nya tidak begitu chukup. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya, ada-kah Menteri, atau Kementerian telah mengkaji keadaan di-West Indies terutama sakali di-Bahamas, ia-itu Kerajaan sendiri telah mengambil tindakan yang besaran² supaya Kerajaan di-sana sendiri mengeluarkan modal² dan lain²-nya supaya menggalakkan pelanchongan datang ka-sana dan dengan itu

sekarang West Indies, terutama sekali di-Bahamas perkara ini sangatlah berjaya dan jika perkara sa-bagai ini di-buat juga di-sini, saya perchaya boleh berjaya.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Kerja telah siasat segala espek pelanchongan dan telah membuat beberapa rancangan yang sekarang di-timbangkan oleh Kerajaan.

(Tempoh pertanyaan mulut telah tutup dan jawapan kepada pertanyaan² No. 16 dan 17 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

USAHA² UNTOK MENYELESAIKAN ANCHAMAN MOGOK KESATUAN PEKERJA—L.L.N.

16. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Buroh sa-takat manakah dia berjaya dalam usaha²-nya hendak menyelesaikan anchaman mogok Kesatuan Pekerja² L.L.N.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam): The Honourable the Deputy Prime Minister has already answered this question in full in reply to a question from the Honourable Member for Bungsar on the 18th in this House. I do not think I need to add to what was stated by the Honourable the Deputy Prime Minister.

PENYIASATAN TERHADAP PEMBELIAN TANAH OLEH SHARIKAT KERJASAMA POLIS DI-RAJA

17. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pertanian dan Shariat Kerjasama sudah-kah dia siapkan penyiasatan-nya terhadap pembelian tanah oleh Sharikat Kerjasama Polis di-Raja, dan jika sudah, ada-kah apa² amalan salah yang terbongkar, dan jika ada, apa-kah tindakan yang telah diambil terhadap orang² yang bersalah.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Penyiasatan ka-atas perkara pembelian tanah di-Kelang oleh Sharikat Kerjasama Polis di-Raja telah pun selesai dan di-dapati segala urusan berkenaan pembelian tanah itu ada-lah di-jalankan dengan betul

mengikut undang². Penyiasatan berkenaan dengan perkara pembelian tanah di-Jalan Ipoh telah di-jalankan. Laporan Nilaiian mengenai tanah ini yang telah di-buat oleh Jerunilai yang berijazah menunjukkan bahawa harga yang di-bayar bagi tanah belum di-majukan (undeveloped) ada-lah lebeh daripada harga yang di-sebutkan dalam laporan Nilaiian itu walau pun laporan tersebut selanjut-nya ada menyatakan bahawa nilaiian harga tanah itu sa-telah di-majukan boleh jadi lebeh kurang sa-banyak harga yang telah di-bayar oleh Sharikat itu. Penjelasan yang lebeh lanjut daripada Sharikat berkenaan perkara ini sedang di-tunggu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.05 pagi.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 11.25 pagi.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat)

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

JADUAL

Kepala² B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 20 dan B. 21—

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon membawa Kementerian² di-bawah Perdana Menteri, ia-itu Jabatan² di-bawah Kementerian Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri dengan sa-kali gus. Dengan yang demikian, saya usulkan, ia-itu:

B. 1—Parlimen ...	\$ 3,400,807
B. 2—Majlis Raja-Raja ...	143,929
B. 3—Juru Odit Negara ...	3,226,654

B. 4—Surohanjaya Pilehan Raya	\$1,373,719
B. 5—Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam	778,277
B. 6—Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi	110,670
B. 7—Perdana Menteri	7,284,302
B. 8—Pejabat Setia-usaha Persekutuan	732,183
B. 9—Pejabat Perjawatan Malaysia	9,123,464
B. 10—Arkib Negara Malaysia	410,100
B. 11—Perangkaan	4,717,300
B. 20—Kementerian Luar Negeri	16,251,121
B. 21—Jabatan Urusan Haji	321,890

menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, dalam Kepala B. 1—Parlimen, maka peruntokan sa-banyak \$2,009,863 di-pohonkan untuk gaji bagi tahun 1968, berbanding dengan \$2,108,712 bagi tahun 1967, ia-itu berkurangan sa-banyak \$98,849. Ini ia-lah di-sebabkan gaji² dan elaun² pegawai dan kakitangan telah di-kira mengikut banyak yang sa-benar-nya akan di-bayar kepada mereka itu di-sa-panjang tahun 1968 dan juga tiada apa² jawatan baharu di-ujudkan, atau pun di-naikkan pangkat-nya.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun tambahan yang agak besar, ia-lah di-bawah Pechahan-kepala 9—Talipon Ahli² Parlimen, ia-itu sa-banyak \$9,500. Ini ia-lah di-sebabkan perbelanjaan yang sa-benar-nya bagi tahun yang lalu ia-lah sa-banyak \$60,000 dan di-jangkakan pada tahun ini peruntokan sa-banyak \$50,000 ada-lah menchukopi.

Tambahan juga di-buat sa-banyak \$26,325 di-bawah Pechahan-kepala 17—Pekerja² Perusahaan dan Buruh Kasar di-sebabkan penchuchi² dan tukang² kebun yang bergaji hari ditukarkan menjadi Pekerja² Perusahaan dan Buruh Kasar yang bergaji bulan di-bawah Kumpulan Pekerja². Gaji² mereka ini dahulu-nya di-bayar di-bawah Pechahan-kepala 2 (6)—Menchuchi Bangunan Parlimen dan Pechahan-kepala 2 (7)—Penyenggaraan

Kawasan Bangunan. Dua Pechahan²-kepala yang baharu, ia-itu 18—Pemberian kepada Kesatuan Parlimen Antara Bangsa dan 19—Elaun Perjalanan Tetap bagi Ahli² Parlimen telah di-ujudkan dan tajok Pechahan²-kepala tersebut sendiri menerangkan tujuan²-nya.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Pechahan-kepala 20—Buku² Perpustakaan dan Pechahan-kepala 22—Perwakilan Parlimen ka-Luar Negeri telah bertambah. Tambahan sa-banyak \$1,000—di-bawah Pechahan-kepala 20 dengan tujuan hendak membeli lebeh banyak lagi buku² untuk Perpustakaan. Tambahan sa-banyak \$10,000 yang di-tunjokkan di-bawah Pechahan-kepala 22 ia-lah dengan tujuan membayar perbelanjaan berkaitan dengan perkara menghantar wakil² ka-Persidangan Persatuan Antara Parlimen dan Persatuan Ahli² Parlimen Sa-Asia serta berbagai² lagi Majlis² Parlimen Antara Bangsa.

KEPALA B. 2—MAJLIS RAJA-RAJA

Pechahan-kepala 1—Gaji

Peruntokan sa-banyak \$60,629 bagi tahun 1968 ada-lah di-bandingkan dengan \$60,460 bagi tahun 1967. Tambahan sa-banyak \$169 ini ia-lah di-sebabkan kenaikan gaji tahunan biasa bagi pegawai² dan kaki-tangan² Pejabat Majlis Raja-Raja.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Tidak ada apa² perubahan di-antara perbelanjaan tahun 1968 dengan 1967.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Peruntokan sa-banyak \$1,000 yang di-pohonkan bagi tahun 1968 di-bawah Pechahan-kepala 6 ia-lah kerana membeli perkakas dan kelengkapan pejabat.

KEPALA B. 3—JURU ODIT NEGARA

Jumlah peruntokan yang di-pohonkan, ia-lah sa-banyak \$3,226,654 di-bawah Kepala B. 3—Juru Odit Negara bagi tahun 1968 ada-lah berkurangan sa-banyak \$10,995 daripada yang telah di-luluskan bagi tahun 1967.

Jumlah peruntukan yang di-pohonkan itu terbahagi seperti berikut:

- \$2,949,534 ia-lah bagi Gaji;
- 273,280 ia-lah bagi Lain Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun; dan
- 3,840 ia-lah bagi Perbelanjaan Khas.

Pechahan-kepala 1—Gaji

Daripada jumlah gaji sa-banyak \$2,949,534 itu, maka

- \$2,439,038 ia-lah bagi Malaysia Barat;
- 248,185 ia-lah bagi Sarawak; dan
- 262,311 ia-lah bagi Sabah.

Di-Malaysia Barat, 3 jawatan Pemeriksa Kira² yang baharu di-kehendaki untuk menjalankan kerja² odit yang bertambah dengan di-potong 1 jawatan Perkhidmatan Kerani Negeri Trengganu. Bilangan Kerani Perkhidmatan 'Am di-tambahkan 1 jawatan lagi menjadi 129 jawatan. Dengan tambahan ini, 1 jawatan Kerani Odit dihapuskan, kerana penyandang-nya telah bersara dan juga jawatan itu tidak di-kehendaki lagi.

Jumlah gaji bagi Chawangan di-Sarawak bertambah sa-banyak \$8,627 daripada jumlah bagi tahun 1967. Tambahan ini di-sebabkan oleh kenaikan gaji biasa, elaun kanak², elaun sewa rumah dan sa-bagai-nya.

Jumlah gaji bagi Chawangan di-Sabah pula bertambah sa-banyak \$10,024 daripada jumlah bagi tahun 1967. Tambahan ini di-sebabkan oleh:

- (a) Ujud-nya 2 jawatan Perkhidmatan Kerani 'Am dan 1 jawatan Penghantar Surat; dan
- (b) Kenaikan gaji² biasa, elaun sewa rumah dan sa-bagai-nya.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Di-bawah perkara Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ada kekurangan sa-banyak \$5,868 daripada yang di-untukkan bagi tahun 1967. Kekurangan ini di-sebabkan anggaran tahun 1968 bagi Lampu, Kuasa Letrik dan

Ayer di-bawah Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Pejabat dan di-bawah Pechahan-kepala 4—Pengangkutan dan Perjalanan di-kurangkan.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Hanya \$3,840 di-kehendaki bagi tahun 1968 kerana pembelian perkakas dan kelengkapan pejabat.

KEPALA B. 4—SUROHANJAYA PILEHAN RAYA

Pechahan-kepala 1—Gaji

MALAYSIA BARAT

Sa-banyak \$668,736 bagi tahun ini berbanding dengan \$674,909 bagi tahun 1967, ia-itu berkurangan lebeh kurang sa-banyak 1%. Jumlah jawatan ada-lah di-kurangkan satu, daripada 130 kepada 129 ia-itu oleh sebab di-potong 1 jawatan Perkhidmatan Kerani Tambah-sentara di-Butiran (15).

Peruntukan di-bawah Butiran (25) bagi bayaran elaun kepada pegawai² yang di-pinjamkan ka-Malaysia Timor telah pun di-kurangkan, oleh kerana dua daripada tiga orang pegawai itu telah pun tamat dengan tugas lawatan mereka dan telah kembali ka-Malaysia Barat.

SARAWAK

Sa-banyak \$39,065 bagi tahun ini berbanding dengan \$46,129 bagi tahun 1967 ia-itu berkurangan sa-banyak \$7,064 atau 15.3% kurang daripada jumlah yang di-luluskan bagi tahun 1967. Kekurangan ini ia-lah di-sebabkan enam jawatan Kerani Sementara telah pun di-potong dan di-gantikan dengan satu sahaja jawatan Kerani/Jurutaip yang baharu di-Butiran (31).

SABAH

Sa-banyak \$26,475 bagi tahun ini berbanding dengan \$59,425 bagi tahun 1967 ia-itu berkurangan 55.4%. Dengan suatu peruntukan syarat sa-banyak \$10 ada-lah masokan ka-dalam Anggaran² bagi Butiran (40) untuk jawatan Penyelia Pilehanraya Kanan yang sekarang ini di-sandang oleh sa-orang pegawai dengan chara peminjaman daripada Malaysia Barat dan gaji-nya di-bayar di-Kuala Lumpur. Lima jawatan

Kerani Sementara telah di-potong dan sa-bagai ganti-nya, satu jawatan baharu—Pembantu Kerani telah di-ujudkan di-Butiran (44).

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Jumlah yang di-pohon bagi tahun 1968 ia-lah sa-banyak \$627,699 ia-itu berlebehan \$13,211 atau 2.1% daripada yang telah di-luluskan bagi tahun 1967. Tambahan ini ada-lah di-masokkan dalam Pechahan-kepala 5 (i)—Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar Pemilih (Malaysia Barat) dalam mana peruntokan berlebehan sa-banyak \$32,632 dari tahun 1967 telah di-masokkan bagi membeli perkakas² untuk mengeluarkan salinan daftar² pemilih yang menchukopi bagi kegunaan Pilehanraya Umum, tahun 1969.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Perbelanjaan Khas bagi tahun 1968 ia-lah sa-banyak \$11,744 sahaja berbanding dengan \$329,893 yang telah di-luluskan bagi tahun yang lepas. Kekurangan ini di-sebabkan tiada-nya lagi Pechahan-kepala—Pilehanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri (Sabah) bagi tahun 1968, dan juga Pechahan-kepala Persempadanan² Pilehanraya Parlimen dan Negeri (Sarawak).

Tiga Pechahan²-kepala yang baharu dengan peruntokan² sharat sa-banyak \$10 tiap² satu di-masokkan bagi tahun ini ada-lah saperti berikut:

Pechahan-kepala 18—Ini ada-lah di-untokkan bagi perjalanan Pilehanraya Umum dalam Negeri Sarawak.

Pechahan-kepala 19—Ada-lah perlu bagi mengadakan suatu penyata ka-atas Pilehanraya² Umum dalam Negeri Sarawak di-sediakan dan di-chetak untuk rekod rasmi dan juga untuk di-jual kepada umum.

Pechahan-kepala 20—Persiapan² akan bermula dalam tahun ini supaya dapat menjalankan Pilehanraya Umum dalam tahun 1969. Borang² Pilehanraya kena di-chetak awal², alat² mengundi yang rosak di-kehendaki di-ganti dan borang² dan alatulis kena di-beli.

KEPALA B. 5—SUROHANJAYA PERKHIDMATAN 'AWAM

Peruntokan yang di-pohonkan bagi tahun 1968 ia-lah sa-banyak \$778,277 berbanding dengan \$784,416 bagi tahun 1967, ia-itu berkurangan sa-banyak \$6,139.

Pechahan-kepala 1—Gaji

Anggaran Perbelanjaan bagi Gaji ada-lah menunjokkan perbelanjaan yang kurang sa-banyak \$8,281. Kekurangan belanja ini, ia-lah oleh kerana Surohanjaya tidak lagi menggunakan perkhidmatan sa-orang Penterjemah Melayu, dan tiga Kerani Sementara. Sementara itu bilangan jawatan Perkhidmatan Kerani - 'Am (Tingkatan Biasa) di-Malaysia Barat telah ditambah 3 lagi menjadikan jumlah-nya 31. Di-Malaysia Timor pula satu jawatan Kerani Perkhidmatan 'Am (Tingkatan Biasa) telah di-naikkan taraf-nya kepada Tingkatan Khas manakala satu Kerani, Tingkatan Biasa dalam Bahagian IV telah di-ujudkan. Perubahan dan tambahan ini ada-lah perlu oleh kerana pekerjaan di-pejabat di-Malaysia Timor itu telah bertambah banyak dari sa-hari ka-sahari.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, peruntokan yang di-pohonkan bagi tahun 1968 ada-lah berlebehan sa-banyak \$5,527. Ini ia-lah di-sebabkan peruntokan² di-bawah Pechahan²-kepala Pentadbiran Pejabat dan Penchetakan dan Alatulis di-Ibu Pejabat Surohanjaya serta Belanja Pengambilan dan Sewa Pejabat bagi Malaysia Timor telah di-tambah.

Tambahan perbelanjaan di-Ibu Pejabat ada-lah perlu untuk perbekalan kuasa letrik dan ayer dan juga untuk menchetak 60,000 borang² SPA. 1. Tambahan perbelanjaan di-Chawangan Sarawak dan Sabah ia-lah untuk belanja mengi'lankan jawatan² baharu dalam 3 Akhbar, ia-itu satu di-Sarawak, satu di-Sabah dan satu lagi di-Malaysia Barat.

KEPALA B. 6—SUROHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI

Jumlah wang yang di-kehendaki di-bawah Kepala B. 6 bagi perbelanjaan Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi tahun 1968 ia-lah \$110,670 ia-itu lebih sa-banyak \$639 dari jumlah perbelanjaan sa-banyak \$110,031 yang telah di-luluskan bagi tahun 1967.

Daripada Anggaran sa-banyak \$110,670 yang telah di-untukkan bagi tahun 1968 ini, sa-banyak \$78,990 adalah di-kehendaki bagi Gaji dan sa-banyak \$31,680 ia-lah untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun.

Penambahan wang yang di-kehendaki itu ia-lah di-sebabkan kenaikan gaji biasa dan elaun kapada kaki-tangan² pejabat.

Di-bawah Pechahan-kepala Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun angka perbelanjaan bagi tahun 1968 ada-lah kurang daripada angka perbelanjaan tahun 1967, ia-itu dengan di-kurangkan sedikit Perbelanjaan Pentadbiran Pejabat.

KEPALA B. 7—JABATAN PERDANA MENTERI

Anggaran Perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri untuk tahun 1968, ada-lah berlebehan sa-banyak \$363,455 daripada yang telah di-luluskan bagi tahun 1967.

Daripada angka ini sa-banyak:

\$3,130,438	ia-lah untuk Gaji,
1,771,723	ia-lah untuk Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun, dan
2,382,141	ia-lah untuk Perbelanjaan Khas.
\$7,284,302	Jumlah

Pechahan-kepala 1—Gaji

Anggaran Perbelanjaan bagi gaji ada-lah berlebehan sa-banyak \$76,120 daripada yang telah di-luluskan bagi tahun 1967. Tambahan ini ada-lah di-sebabkan oleh:

- (a) Kenaikan taraf pangkat satu jawatan Pegawai Kerja Kanan

ka-Pegawai Kerja Tinggi, Kerani Perkhidmatan 'Am Tingkatan Khas ka-Tingkatan Tertinggi "C" dan Kerani Perkhidmatan 'Am Tingkatan Biasa ka-Tingkatan Khas di-Bahagian Pentadbiran dan Kewangan;

- (b) Ujud-nya jawatan² baharu Penjaga Pejabat dan Penyambut untok Pejabat baharu Perdana Menteri; jawatan Penchari Fail untok Pejabat Perumahan Kerajaan dan dua jawatan Pegawai Pengator-chara Tingkatan Tertinggi "J" untok Bahagian Pentadbiran Kemajuan; dan

- (c) Kenaikan gaji tahunan bagi pegawai² dan kaki-tangan² di-bawah Jabatan Perdana Menteri.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Jumlah anggaran di-bawah Pechahan-kepala Berulang Tiap² Tahun berkurangan sa-banyak \$232,106 daripada yang telah di-luluskan bagi tahun 1967. Ini ia-lah di-sebabkan peruntukan di-bawah Pechahan-kepala 12—Lawatan Sambil Belajar, telah di-kurangkan sa-banyak \$114,000 dan di-bawah Pechahan-kepala 44—Pengangkutan dan Perjalanan bagi Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia sa-banyak \$140,000 sesuai dengan langkah Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan dengan se-berapa boleh.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Perbelanjaan Khas bagi tahun 1968 ada-lah berlebehan sa-banyak \$518,441 jika di-bandingkan dengan peruntukan tahun 1967. Ini di-antara lain-nya ia-lah di-sebabkan oleh bantuan tambahan sa-banyak \$700,000 kapada Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan bagi membolehkan Lembaga itu meluaskan lagi perkhidmatan-nya ka-kawasan² bandar yang kecil² di-mana terdapat Rumah Sakit Daerah dan beberapa buah Pusat Kesihatan, dan juga dalam tahun ini program penerangan akan di-pergiatkan lagi bagi menjayakan segala ranchangan² dan program² yang telah pun berjalan dan juga yang akan

di-jalankan. Untuk ranchangan² dan program² itu perlu-lah di-adakan kaki-tangan² tambahan seperti Jururawat², Penolong Jururawat dan pekerja² Peranchang Keluarga. Lembaga ini akan mengadakan Minggu Peranchang Keluarga dalam tahun ini yang di-anggarkan memakan belanja kira² \$30,000.

Sa-lain daripada itu peruntokan sa-banyak \$64,145 ia-lah untuk kegunaan Istana Negara bagi membeli sa-buah kereta yang baharu untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan untuk menggantikan dua buah kereta yang telah lama yang tidak boleh di-gunakan.

Sa-jumlah \$35,000 pula akan di-untokkan bagi Bahagian Pentadbiran Kemajuan, ia-itu \$20,000 daripada-nya ia-lah kerana belanja penyiasatan untuk rekod² kaki-tangan² Kerajaan yang perlu di-adakan dari segi pentadbiran dan untuk mendapat ma'alumat² tertentu bila² di-kehendaki. Sa-lain daripada itu Bahagian ini juga akan mengadakan seminar² tempatan untuk Setia-usaha² Tetap/Setia-usaha² Kementerian dan Ketua² Jabatan dan juga akan membuat penyiasatan berhubung dengan susunan² Jabatan.

KEPALA B. 8—PEJABAT SETIA-USAHA PERSEKUTUAN

Kepala ini mengandungi 4 buah pejabat, ia-itu Pejabat Setia-usaha Persekutuan Sarawak, Pejabat Perjawatan Persekutuan, Sarawak, Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Sabah dan Pejabat Perjawatan Persekutuan, Sabah.

PEJABAT SETIA-USAHA PERSEKUTUAN DAN PEJABAT PERJAWATAN SARAWAK

Pechahan-kepala 1—Gaji

Berbanding dengan peruntokan yang telah di-luluskan bagi tahun 1967, peruntokan bagi tahun 1968 untuk Pejabat Setia-usaha Persekutuan Sarawak ada-lah berlebehan sa-banyak \$3,484 di-sebabkan kenaikan gaji tahunan biasa. Peruntokan bagi Pejabat Perjawatan pula kurang sa-banyak \$1,347 oleh kerana gaji kaki-tangan² Pejabat ini dapat di-pastikan.

PEJABAT SETIA-USAHA PERSEKUTUAN DAN PEJABAT PERJAWATAN PERSEKUTUAN, SABAH

Pechahan-kepala 1—Gaji

Berbanding dengan peruntokan yang telah di-luluskan dalam tahun 1967 sa-banyak \$205,970 maka peruntokan yang di-pohonkan bagi tahun ini, ia-lah sa-banyak \$175,812 ia-itu berkurangan sa-banyak \$30,158.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Tambahan sa-banyak \$11,728 daripada jumlah yang telah di-untokkan dalam tahun 1967 bagi Pejabat Setia-usaha Persekutuan, ia-lah untuk Pentadbiran Pejabat, Pengangkutan, Sewa dan Chukai Tempatan. Bagi Pejabat Perjawatan Persekutuan pula, tambahan sa-banyak \$350 telah di-buat di-bawah Pechahan-kepala 17—Pentadbiran dan sa-banyak \$1,500 di-bawah Pechahan-kepala 20—Pengangkutan dan Perjalanan oleh sebab di-jangkakan kegiatan² Pejabat ini akan bertambah dalam tahun ini.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Peruntokan sa-banyak \$500 di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala 23 bagi membeli Perkakas² dan Kelengkapan Pejabat untuk Pejabat Setia-usaha Persekutuan dan tiada apa² peruntokan telah di-pohonkan bagi Pejabat Perjawatan.

KEPALA B. 9—PEJABAT PERJAWATAN MALAYSIA

Jumlah Anggaran Tahun 1968 ada-lah bertambah sa-banyak \$413,009 ia-itu daripada \$8,710,455 dalam tahun 1967 kepada \$9,123,464 dalam tahun 1968. Ini ada-lah di-sebabkan di-antara lain, bertambah-nya peruntokan perbelanjaan lathen pegawai dan bakal² pegawai di-bawah Pechahan-kepala 6 bagi Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun daripada \$2,962,304 menjadi \$3,562,304. Tambahan² yang besar sa-lain daripada ini ia-lah di-bawah Pechahan²-kepala 14 sa-banyak \$130,000 dan 21 sa-banyak \$90,000.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Pechahan-kepala 6—Latehan Pegawai dan Bakal² Pegawai Butiran (5) Biasiswa dan Hadiah Bantuan Latehan

Sa-banyak \$3,300,000 di-pohonkan di-bawah Butiran (5) Pechahan-kepala 6 ia-itu lebeh sa-banyak \$600,000 dari peruntokan tahun 1968 ia-lah untuk memenohi kehendak² Kementerian/Jabatan² bagi menghantarkan pegawai² yang berkelayakan kapada mereka apabila mengisi jawatan² yang maseh kosong dan yang akan kosong oleh kerana bertambah-nya ranchangan² mereka di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima Tahun.

Untuk tujuan ini Pejabat Perjawatan menambahkan lagi bilangan hadiah² untuk pelajaran di-Universiti "Undergraduate Awards" dan Hadiah Kursus Latehan yang di-Akui "Approved Training Awards". Akan tetapi negeri² yang memberi bantuan di-bawah Ranchangan Colombo, terutama sa-kali Australia dan Canada telah membayangkan bahawa negeri² itu tiada akan menimbangkan lagi akan pemberian hadiah² untuk pelajaran di-Universiti² oleh kerana kemudahan² pengajian itu boleh di-dapati di-negeri ini. Negeri² itu telah meminta Kerajaan Malaysia supaya mengurangkan permintaan² berkenaan dengan hadiah ini sa-kurang²-nya sa-banyak 50%. Ini telah menyebabkan pertukaran sa-tengah daripada permintaan² "Undergraduate Awards" di-bawah Ranchangan Colombo untuk menjadi Ranchangan² Kerajaan Malaysia. Sa-lain dari itu bayaran² yuran bagi "Undergraduate studies" di-United Kingdom telah dinaikkan lebeh daripada \$515 kapada \$1,837 sa-tahun dan elaun hidup dari \$221 kapada \$412 sa-bulan.

KEPALA B. 10—ARKIB NEGARA MALAYSIA

Jabatan Arkib Negara Malaysia baharu berumur 10 tahun sahaja. Oleh itu tugas² dan tanggung-jawab²-nya adalah makin bertambah dari sa-masa kasamasa. Untuk menyelenggarakan kasemua-nya ini dalam tahun ini peruntokan wang yang di-kehendaki ada-

lah berjumlah sa-banyak \$410,100 ia-itu lebeh sa-banyak \$41,985 daripada peruntokan tahun 1967.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

Sa-banyak \$77,556 di-minta untuk tahun ini. Bahagian yang terbesar dari-nya ia-lah untuk membayar perbelanjaan di-bawah Pentadbiran yang termasuk pembayaran letrik, ayer, talipon, membaiki alat² dan jentera hawa dingin, dan untuk membeli benda² teknikal dan khusus yang penting bagi memelihara arkib.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

Hanya sa-banyak \$15,000 di-minta bagi tahun 1968 ia-itu kurang sa-banyak \$20,000 dari peruntokan tahun 1967.

KEPALA B. 11—JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Semenjak beberapa tahun yang lalu, Jabatan Perangkaan telah mengalami perubahan² yang besar. Pada tahun 1962, Jabatan ini hanya mempunyai sa-banyak 191 orang kaki-tangan; pada tahun 1967, bilangan kaki-tangan yang berkhidmat di-Jabatan ini telah meningkat hingga sampai 470 orang. Pada tahun 1968, jumlah kaki-tangan bagi Jabatan ini akan menjadi sa-banyak 612 orang dalam mana 494 akan bertugas di-Pejabat Besar Kuala Lumpur, 64 orang di-Sarawak dan 54 orang di-Sabah. Perubahan ini ada-lah di-sebabkan oleh kehendak² yang bertambah² bagi perangkaan² yang lebeh meluas dan lagi yang lebeh baik, termasuk-lah perangkaan² perengkat nasional yang di-gunakan bagi kerja² merancang.

Perkhidmatan² perangkaan di-Malaysia Timor maseh juga lagi terkebelakang daripada apa yang terdapat di-Malaysia Barat. Tetapi tindakan² telah di-ambil bagi membaiki taraf perangkaan kedua² negeri di-Malaysia Timor itu. Perkhidmatan dua orang pakar² Bangsa² Bersatu, yang ditempatkan di-Sarawak dan Sabah, telah memberi banyak faedah bagi menchapai tujuan yang tersebut. Walau bagaimana pun, kekurangan kaki-tangan telah membantutkan kemajuan

di-dalam bidang perkhidmatan perang-
kaan di-Malaysia Timor.

Komputer Letronik yang telah siap
di-pasang di-Jabatan ini pada awal
tahun 1967 telah melipat-gandakan
kerja² yang boleh di-jalankan oleh
Jabatan ini.

Kerja² baharu yang telah di-jalankan
oleh Jabatan ini dalam tahun 1967 ia-
lah Penyiasatan Sosio-Ekonomi, Penyia-
satan Perdagangan Agehan (Distributive
Trade), Penyiasatan Perkilangan Bulan
serta Penyiasatan Tanaman Negara.

Bagi tahun 1968, Jabatan ini akan
menjalankan projek² besar seperti
berikut:

1. Penyiasatan Tanaman Negara.
2. Penyiasatan Menuai Padi—akan
di-panjangkan ka-negeri² di-
Malaysia Timor.
3. Penyiasatan Perbelanjaan Isi-
Rumah.

Di-dalam pada itu, penyiasatan² yang
di-adakan sekarang seperti Banchi
Pembinaan, Banchi Perusahaan Per-
kilangan, Penyiasatan Penganggaran
dan lain² akan terus juga di-jalankan.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN (O.C.A.R.)

*Pechahan-kepala 2—Pentadbiran
Pejabat, Butiran (5)—Api dan
Kuasa Letrik*

Tambahan sa-banyak \$12,200 ada-lah
di-kehendaki bagi membayar bil² letrik
yang bertambah di-sebabkan oleh pe-
masangan komputer letronik yang me-
merlukan bilek di-hawa-dinginkan 24
jam sa-hari. Perbelanjaan bulanan pada
masa sekarang ada-lah lebeh kurang
\$3,300.

*Pechahan-kepala 3—Penchetakan dan
Alatulis*

Tambahan sa-banyak \$2,000 ini ada-
lah di-kehendaki bagi membeli kertas²
untuk penerbitan² yang makin ber-
tambah.

*Pechahan-kepala 4—Alatulis
Mesin-Kira*

Tambahan sa-banyak \$8,600 di-
kehendaki bagi tahun 1968 ia-itu di-

sebabkan bagi tambahan bagi mem-
peroses keputusan² penyiasatan sampel
yang akan di-jalankan.

PERBELANJAAN KHAS (O.C.S.E.)

*Pechahan-kepala 13—Perkakas dan
Kelengkapan Pejabat*

Jumlah sa-banyak \$24,000 ini ada-
lah di-kehendaki bagi kelengkapan²
yang maseh di-perlukan oleh Jabatan
ini.

*Pechahan-kepala 15—Elaun bagi
Pakar I.M.F.*

Peruntukan Sharat (token allocation)
sa-banyak \$10 di-perlukan kerana
Jabatan ini maseh belum dapat mem-
pastikan sama ada Pakar I.M.F. akan
dapat, atau tidak bertugas pada tahun
1968 di-Jabatan ini.

*Pechahan-kepala 16—Penghitong
Sementara*

Jabatan ini akan mengambil 6 orang
penghitong sementara sa-lama 6 bulan
bagi membantu di-dalam Penyiasatan
Perkilangan Tahunan. Peruntukan sa-
banyak \$15,000 ini di-kehendaki bagi
membayar gaji² serta perbelanjaan² lain
pegawai² tersebut.

SARAWAK

*Pechahan-kepala 17—Perkakas
Kelengkapan Pejabat*

Jumlah sa-banyak \$2,000 ini ada-lah
di-kehendaki bagi membeli perkakas²
pejabat yang sangat di-perlukan oleh
kerana Chawangan ini telah makin
bertambah besar.

*Pechahan-kepala 18—Kerani/
Penghitong Sementara*

Jumlah sa-banyak \$6,000 ini ada-lah
bagi pengambilan kerani²/Penghitong²
Sementara bagi membantu Penyiasat
Sampel serta Penyiasatan² Tahunan
yang akan di-jalankan pada tahun 1968.

SABAH

*Pechahan-kepala 19—Perkakas dan
Kelengkapan Pejabat*

Jumlah sa-banyak \$1,000 ada-lah di-
kehendaki bagi membeli perkakas²
pejabat yang sangat di-perlukan oleh
kerana Chawangan ini telah makin
bertambah besar.

Pechahan-kepala 20—Penyiasatan² Perangkaan Khas

Peruntukan jumlah sa-banyak \$1,000,000 ada-lah di-kehendaki bagi menjalankan Penyiasatan² ini. Peruntukan ini pada asal-nya ada-lah di-pohonkan di-bawah Anggaran Pembangunan, tetapi sa-telah di-kaji samula oleh kerana penyiasatan ini ada-lah merupakan penyiasatan berulang² ada lebeh baik-nya peruntukan ini di-untokkan di-bawah Anggaran Biasa.

Butiran (1)—Tanaman Negara

Jumlah \$340,000 ada-lah di-kehendaki bagi menjalankan penyiasatan ini. Penyiasatan ini ada-lah guna bagi mendapatkan data² mengenai luas-kawasan (ekar) yang di-tanam dengan beberapa tanaman yang terdapat di-negeri ini.

Butiran (2)—Menuai Padi

Jumlah \$60,000 ada-lah bagi penyiasatan di-atas yang akan di-panjangkan ka-Malaysia Timor. Penyiasatan ini akan dapat memberi anggaran yang lebeh tepat mengenai kadar pengeluaran padi.

Butiran (3)—Penganggoran

Jumlah \$285,000 ini ada-lah bagi penyiasatan untuk mendapatkan data² mengenai penganggoran/pekerjaan dan ini ada-lah berguna bagi memeriksa kemajuan² yang terchapai mengenai matlamat² pekerjaan (employment targets). Penyiasatan ini akan di-jalankan di-seluruh Malaysia Barat.

Butiran (4)—Rangka Kajian Pemereksaan

Jumlah \$30,000 ada-lah di-kehendaki bagi Pemereksaan Sampel dan ini ada-lah merupakan satu faktor yang mutlak bagi kemajuan perangkaan pada umumnya, oleh kerana satu daripada perkara yang terpenting untuk menjalankan penyiasatan sampel ia-lah ada-nya rangka² yang chukup.

Butiran (5)—Perdagangan Agehan (Distributive Trade)

Jumlah \$23,000 ini ada-lah bagi mengumpulkan data² yang akan dapat memberi ma'lumat yang berguna bagi

(a) membaiki siri² Pendapatan Negara, (b) menyediakan perangkaan guna merangka dasar² chukai, (c) menilai kedudukan serta sumbangan perdagangan runchit dan borong di-dalam pembangunan Negara, dan (d) menunjokkan rangka² pekerjaan, kewangan dan perundangan di-dalam sektor pengagehan.

Butiran (6)—Perbelanjaan Isi-Rumah.

Jumlah \$262,000 ini ada-lah bagi pengutipan data² perbelanjaan yang boleh memberi penerangan² tertentu mengenai penggunaan 'Awam. Juga ia-nya akan memberi Jabatan ini asas bagi mengumpulkan beratan barang² yang di-kehendaki bagi mewujudkan Index Harga Barang² Runchit. Penyiasatan ini telah di-jalankan di-Malaysia Timor dan pada tahun 1968 akan juga di-jalankan di-Malaysia Barat.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masuk ka-Kementerian Luar Negeri, B. 20 dan B. 21.

B. 20—KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Sa-bagaimana yang di-jadualkan di-muka 229 hingga 257, Kertas Perintah 53, tahun 1967, berjumlah \$16,251,121. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa tahun yang lepas Kerajaan telah membanyakkan lagi perwakilan² di-luar negeri dengan menubuhkan sa-buah pejabat Pesuruhjaya Tinggi di-Ottawa dan sa-buah pejabat Konsol di-Taipei. Perhubungan diplomatik di-antara Malaysia dengan Pakistan telah puleh sa-mula dalam bulan November, 1966, sa-telah lebeh sa-tahun putus-nya perhubungan di-antara kedua² negeri ini. Dengan penubohan sa-mula hubungan diplomatik di-antara Malaysia dan Pakistan, maka telah di-dapati perlu memindahkan pejabat Surohanjaya Tinggi Malaysia dari Karachi ka-Islamabad, ibu negeri baharu Pakistan. Ketika itu ada-lah juga di-dapati perlu meninggalkan pejabat konsol yang kechil di-Karachi memandangkan mustahak-nya bandar Karachi sa-bagai pusat perdagangan dan ekonomi di-Pakistan, menjaga keselamatan penuntut² dan warga-negara² Malaysia dan menjadi sa-bagai Pejabat Paspot dan Visa.

Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat tentu akan perhatikan di-muka 231, Kertas Perintah 53, tahun 1968, bahawa perkataan: Economic and Regional Co-operation Division telah menggantikan Malaysian Secretariat for ASA sa-bagaimana Tuan Pengerusi ma'alum pada 8hb Ogos, 1967, di-dalam Meshuarat Menteri² di-Bangkok telah di-persetujui untuk menubuhkan Persatuan Negara² Tenggara Asia (ASEAN) dengan tujuan untuk menjimatkan perbelanjaan, maka pejabat ASA yang ada sekarang ini telah di-tetapkan supaya mengambil tanggungjawab yang bertambah untuk menguruskan projek² ASEAN itu dengan tidak payah menubuhkan pejabat ASEAN yang baharu. Sekarang bahagian ini ada-lah juga menguruskan projek² daerah yang lain², maka nama bahagian ini telah di-ubah kepada Economic and Regional Co-operation Division. Ini tidak ada apa² peruntukan tambahan yang di-kehendaki bagi kerja² pentadbiran bagi ibu pejabat bahagian ini di-sebabkan oleh penubuhan ASEAN itu.

Tuan Pengerusi mungkin hairan mengapa pemulehan sa-mula perhubungan diplomatik dengan Indonesia tidak di-tunjukkan di-dalam Anggaran Tahun 1968. Ada-lah di-ingatkan bahawa penubuhan sa-mula hubungan diplomatik di-antara Malaysia dan Indonesia berlaku pada 31hb Ogos, 1967, ia-itu sa-telah Anggaran Perbelanjaan Tahun 1968 di-siapkan, maka oleh itu peruntukan bagi perwakilan ini akan diminta dalam tahun 1968 sa-bagai suatu tambahan. Bertambah-nya bilangan perwakilan² kita di-luar negeri dan bertambah banyak-nya penyertaan kita dalam hal ehwal antara-bangsa, maka sudah tentu akan menambah perbelanjaan yang besar, tetapi perbelanjaan ini telah dapat di-kurangkan dengan sa-berapa yang boleh memandangkan kepada keadaan kewangan negara kita.

Dalam Anggaran Perbelanjaan ini peruntukan yang di-kehendaki bagi tahun 1968 ia-lah \$16,251,121 berbanding dengan \$14,848,922 yang telah di-luluskan bagi tahun 1967 yang mana menunjukkan kenaikan sa-banyak \$1,402,199 daripada tahun yang

lepas, tetapi sa-kira-nya segala tambahan² peruntukan bagi tahun 1967 di-champorkan, maka kenaikan di-dalam peruntukan untuk tahun 1968 ada-lah sedikit sahaja.

Sekarang suka-lah saya menerangkan Anggaran Perbelanjaan itu mengikut tiga bahagian yang terbesar, ia-itu Gaji. Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas.

GAJI

Anggaran Perbelanjaan atas gaji bagi tahun 1968 ia-lah \$9,020,284 berbanding dengan \$8,462,565 bagi tahun 1967 yang menunjukkan tambahan sa-banyak \$556,719. Tambahan ini ada-lah di-sebabkan terutamanya oleh bertambah-nya jawatan baharu bagi kaki-tangan dari Malaysia dan bagi Kaki-tangan Ambilan Tempatan yang telah di-adakan oleh sebab penubuhan perwakilan² baharu di-Ottawa dan Taipei. Jawatan² baharu ini ada-lah di-tunjukkan di-dalam Anggaran Perbelanjaan di-bawah Pechahan-kepala 1, Butiran (633) hingga (659). Permindahan pejabat Pesuruhjaya Tinggi dari Karachi ka-Islamabad dan meninggalkan pejabat Konsol di-Karachi juga menyebabkan beberapa tambahan jawatan² bagi Kaki-tangan Ambilan Tempatan di-adakan. Saparoh daripada tambahan peruntukan itu ada-lah di-sebabkan oleh perubahan tangga-gaji bagi Kaki-tangan Ambilan Tempatan di-perwakilan² kita di-Seoul, Colombo dan Canberra.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Jumlah di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi 1968 ia-lah \$6,272,572 berbanding dengan \$5,103,605 bagi tahun 1967 yang menunjukkan kenaikan sa-banyak \$1,168,967. Kenaikan ini ada-lah di-sebabkan terutamanya oleh penubuhan dua perwakilan baharu di-Ottawa dan Taipei dan dengan ini juga menambah bilangan kaki-tangan dari Malaysia dan Ambilan Tempatan. Penubuhan kedua² perwakilan baharu ini juga memerlukan peruntukan bagi perbelanjaan pentadbiran bertambah. Kenaikan yang penting di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun

ada-lah seperti berikut. Pechahan-kepala 2—Pentadbiran. Kenaikan di-bawah pechahan-kepala ini daripada peruntukan tahun yang lepas ia-lah \$185,950. Kenaikan² yang penting di-bawah pechahan-kepala ini ia-lah \$102,000 di-bawah Butiran (3), taligerem \$20,700 di-bawah Butiran (4), talipon \$4,750 di-bawah Butiran (6), menchuchi bangunan dan \$60,000 di-bawah Butiran (7) kuasa letrik, api dan ayer. Ada-lah perlu menambah peruntukan bagi taligerem oleh sebab bertambah-nya perwakilan² di-luar negeri yang telah di-buka dan oleh sebab mengadakan beberapa jawatan² Pesurohjaya Perdagangan dan Atachi Penerangan yang di-tempatkan di-perwakilan² luar negeri. Memandangkan kapada bertambah-nya penyertaan Kerajaan kita di-dalam majlis dan meshuarat antara-bangsa, maka saloran taligerem Kementerian ini telah bertambah dengan banyak-nya. Oleh sebab peratoran talipon yang baharu berkehendakkan pembayaran 10 sen bagi tiap² panggilan, maka peruntukan di-bawah talipon telah bertambah sa-banyak \$20,700. Memandang yang Kementerian ini telah berpindah dari Bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor di-mana ada hanya satu meter letrik bagi semua Jabatan Kerajaan kapada Wisma Putra, maka telah di-dapati perlu mengadakan peruntukan sa-banyak \$60,000 di-bawah Butiran (7) kuasa letrik, api dan ayer. Peruntukan ini ada-lah juga untuk menemui perbelanjaan letrik bagi sambongan bangunan Kementerian ini yang baharu sahaja siap.

Pechahan-kepala 3—Belanja Mengirim Surat Diplomatik, tambahan sa-banyak \$65,000 berlebeh daripada yang di-untukkan pada tahun 1967 ada-lah di-buat di-bawah pechahan-kepala ini. Ini ada-lah di-sebabkan oleh bertambah-nya bilangan perwakilan² kita di-luar negeri dan juga di-sebabkan bertambah-nya bilangan surat² rasmi yang di-kiriskan ka-luar negeri, atau yang di-terima dari luar negeri. Banyak pengumuman² perdagangan dan buku² mengenai pelan-chongan dan risalah² yang di-kiriskan ka-luar negeri untuk memberi gamba-

ran yang jelas mengenai keadaan dalam negeri ini.

Pechahan-kepala 5—Penyenggaraan. Bagi tahun 1968 peruntukan sa-banyak \$25,000 di-bawah pechahan-kepala ini. Ini ada-lah perlu, kerana penyenggaraan perchuma sa-lama satu tahun bagi jentera pendingin udara Kementerian ini telah tamat dan oleh itu, maka perlu-lah membuat peruntukan bagi menemui pembayaran-nya, harga penyenggaraan alat jentera pendingin udara di-bangunan Kement-erian ini.

Pechahan-kepala 6—Belanja Perubatan bagi kaki-tangan dari Malaysia di-Luar Negeri. Tambahan di-bawah pechahan-kepala ini ia-lah sa-banyak \$47,000. Pada beberapa tahun yang sudah peruntukan di-bawah pechahan-kepala ini telah di-dapati selalu sahaja tidak menchukupi untuk mene-mui perbelanjaan perubatan bagi kaki-tangan dari Malaysia di-Luar Negeri yang makin bertambah² itu. Tiap² tahun tambahan ada-lah di-kehendaki. Ada-lah di-harap tambahan ini akan dapat menchukupi perbelanjaan perubatan yang tersebut itu.

Pechahan-kepala 7—Perbelanjaan Pegawai dalam masa di-letak be-kerja, berchuti, berselisih dan bertukar, tambahan sa-banyak \$75,000 ada-lah di-kehendaki di-bawah pechahan-kepala ini memandangkan kapada bertambah-nya bilangan jawatan² yang di-adakan, kerana penubohan perwakilan baharu dan juga oleh kerana bertambah-nya pegawai² yang telah di-ambil bekerja untuk memenohi jawatan² yang sa-lama ini telah kosong di-seberang laut.

Pechahan-kepala 18—Pentadbiran. Wang sa-banyak \$747,193 di-bawah pechahan-kepala ini ia-lah untuk menemui perbelanjaan pentadbiran yang bertambah bagi perwakilan² baharu dan perlantekan Pesurohanjaya² Perdagangan di-Washington, Paris, Bonn dan Tokyo dan Atachi² Penerangan di-Paris, dan Bonn. Lain² butiran tambahan perbelanjaan itu termasuklah surat² khabar dan majallah², belanja runchit, api, kuasa letrik dan ayer, taligerem, talipon, pakaian seragam, ansoran, pampasan pekerja, barang².

potostatic dan penyelenggaraan dan perbekalan ubat bagi kaki-tangan² Ambilan Tempatan.

Pechahan-kepala 19—Bangunan Chancery. Tambahan sa-banyak \$7,350 ada-lah di-kehendaki di-bawah pechahan-kepala ini untuk menemui perbelanjaan tambahan bagi penyelenggaraan bangunan Chancery, penyelenggaraan pemasangan letrik dan penyelenggaraan perkakas dan alat di-pejabat² Chancery yang baharu di-luar negeri.

Pechahan-kepala 20—Penchetakan dan Alatulis. Di-bawah Pechahan-kepala ini telah di-tambah sa-banyak \$8,020 untuk menemui harga penchetakan dan alatulis bagi perwakilan baharu di-luar negeri.

Pechahan-kepala 22—Sewa dan Chukai Tempatan. Tambahan sa-banyak \$673,616 ada-lah di-kehendaki di-bawah pechahan-kepala ini untuk menemui bayaran sewa bagi bangunan² Chancery dan pegawai² perwakilan² yang baharu dan juga untuk membayar sewa² tempat kediaman Pesurohanjaya Perdagangan di-Tokyo, Bonn, Paris dan Washington. Sa-paroh daripada tambahan ini ada-lah juga di-sebabkan oleh kenaikan sewa bangunan Chancery dan tempat kediaman² yang di-sewa oleh perwakilan² kita sekarang ini di-luar negeri.

Pechahan-kepala 23—Tempat Kediaman dan Rumah Kediaman Kaki-tangan. Peruntukan di-bawah ini telah bertambah sa-banyak \$17,864. Tambahan ini ia-lah untuk menemui perbelanjaan bagi penyelenggaraan tempat kediaman yang di-tambah untuk penyelenggaraan pemasangan letrik, perkakas dan alat² rumah. Dan untuk bayaran talipon di-dalam rumah pegawai² yang di-tukarkan ka-perwakilan² yang baharu, untuk sewa rumah pegawai yang di-tukarkan kepada perwakilan yang ada sekarang dan juga untuk penyelenggaraan rumah Pesurohanjaya Perdagangan yang telah di-tukarkan ka-beberapa perwakilan di-luar negeri.

Pechahan-kepala 25—Belanja bagi Ahli² Perwakilan ka-Perhimpunan Agong Bangsa² Bersatu. Peruntukan di-bawah pechahan-kepala ini telah di-tambah sa-banyak \$16,000. Oleh kerana

jumlah ini pada tahun² yang sudah telah di-dapati tidak mencukupi untuk menemui perbelanjaan perwakilan² yang menghadhiri Persidangan Perhimpunan Agong Bangsa² Bersatu.

Pechahan-kepala 27—Pengangkutan dan Perjalanan. Meski pun dua perwakilan² baharu telah di-buka dan beberapa Pesurohanjaya Perdagangan telah di-lantek di-luar negeri namun tambahan di-bawah peruntukan ini telah dapat di-kurangkan dengan sa-bberapa yang boleh. Oleh itu tambahannya sa-banyak \$5,780 sahaja telah di-buat di-bawah pechahan-kepala ini.

PERBELANJAAN KHAS—Anggaran Peruntukan bagi tahun 1968 ia-lah \$958,265 berbanding dengan \$1,282,752 yang menunjukkan kekurangan sa-banyak \$324,487. Kebanyakan butir² perbelanjaan di-bawah Perbelanjaan Khas bagi tahun 1968 menunjukkan pada keseluruhannya kurang daripada peruntukan tahun 1967.

Pechahan-kepala 35—Pemberian kepada Pertubohan² Commonwealth. Tambahan sa-banyak \$77,186 ada-lah di-kehendaki di-bawah pechahan-kepala ini, tetapi ini bukan-lah sa-benar-nya tambahan Pemberian kepada Pertubohan Commonwealth itu. Dahulu-nya Kementerian Pelajaran telah membuat charom tahunan sa-banyak \$4,286 kepada yayasan Commonwealth dan sa-banyak \$22,560 kepada Bahagian Perhubungan Pendidikan Commonwealth. Jabatan Perdana Menteri pula telah membuat pemberian tahunan sa-banyak \$42,700 kepada Jawatan-kuasa Ekonomi Commonwealth dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat charom tahunan sa-banyak \$2,500 kepada Jawatan-kuasa Sain Commonwealth. Dengan terbentuk-nya Ibu Pejabat Commonwealth ini, maka semua pertubohan² Commonwealth telah di-satukan. Tiap² Kerajaan dalam Commonwealth sekarang kena-lah membuat pemberian-nya yang di-satukan kepada Ibu Pejabat Commonwealth itu untuk mengurangkan kerja² pentadbiran, maka semua pemberian yang dahulu-nya di-bayar oleh beberapa Kementerian sekarang ini telah di-masokkan ka-semua-nya di-bawah anggaran Kementerian ini.

Pechahan-kepala 39—Perbelanjaan Rombongan Penyiasatan Malaysia Bangsa² Bersatu. Wang sa-banyak \$68,803 ada-lah di-kehendaki di-bawah pechahan-kepala ini. Jumlah ini merupakan baki jumlah wang yang mesti di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi perbelanjaan rombongan penyiasatan Bangsa² Bersatu yang telah di-hantarkan ka-Sabah dan Sarawak dalam tahun 1963.

Pechahan-kepala 43—Perbelanjaan Persidangan Jawatan-kuasa ASA. Wang sa-banyak \$30,000 ada-lah di-kehendaki bagi perbelanjaan berkenaan dengan Persidangan Jawatan-kuasa ASA yang akan di-adakan dalam tahun 1968. Peruntukan ini bukan-lah sa-benar-nya tambahan daripada peruntukan tahun yang lalu, kerana jumlah wang sa-banyak \$24,114 yang di-tunjokkan dalam buku anggaran tahun 1967 itu tidak termasuk perbelanjaan persidangan ASA yang telah di-adakan pada penghujung tahun itu.

Pechahan-kepala 44—Perkakas dan Kelengkapan Pejabat. Wang sa-banyak \$15,300 ada-lah di-kehendaki bagi pechahan-kepala ini untuk membeli perkakas dan kelengkapan pejabat bagi sambongan baharu bangunan Kementerian ini.

Pechahan-kepala 48—Kereta, Motor, Van, Sekuter. Banyak-nya tambahan di-bawah pechahan-kepala ini daripada peruntukan tahun yang lalu ia-lah \$14,526, ini ia-lah oleh kerana peruntukan sa-banyak \$15,000 di-kehendaki untuk membeli kereta Pesurohanjaya Tinggi Malaysia di-Islamabad, Pakistan, dan bagi sa-tengah² perwakilan untuk mengganti kereta² rasmi yang mana telah lebeh 5 tahun di-gunakan.

Pechahan-kepala 52—Kelengkapan Perpustakaan Filem. Wang sa-banyak \$4,000 ada-lah di-kehendaki bagi pechahan-kepala ini untuk membeli sa-buah film projector, kelengkapan bagi perpustakaan filem dan filem² untuk kegunaan perwakilan di-Hague.

Kepala 21—Pejabat Urusan Haji. Peruntukan perbelanjaan Pejabat Urusan Haji Malaysia pada keseluruhan-nya di-tafsirkan sa-banyak \$19,171

lebeh daripada peruntukan bagi tahun 1967.

GAJI

Di-bawah Pechahan-kepala 1 Gaji, hanya ada sedikit sahaja kenaikan perbelanjaan dan ini ia-lah kerana kenaikan gaji tahunan biasa bagi kakitangan² pejabat.

Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun. Pechahan-kepala 2—Perbelanjaan Urusan Haji bertambah sa-banyak \$1,000 sahaja dan ini ia-lah sebab bayaran lampu dan ayer di-Mekah yang sentiasa naik. Perbelanjaan ubat yang baharu yang hendak di-hantarkan ka-Mekah untuk rawatan bakal² Haji Malaysia.

Pechahan-kepala 4—Sewa Perumahan. Peruntukan bertambah sa-banyak \$5,950 berbanding dengan perbelanjaan bagi tahun 1967. Kenaikan ini ia-lah oleh sebab keputusan Kabinet Kerajaan Saudi yang membatalkan kawalan sewa rumah di-Saudi Arabia.

Pechahan-kepala 5—Pengangkutan. Peruntukan tahun 1968 telah melebihi sa-banyak \$2,000 daripada peruntukan dalam tahun 1967 kerana musim haji tahun ini memakan masa lebeh panjang, ia-itu sa-lama 5 bulan. Oleh itu tuntutan elaun daripada Ahli² rombongan perubatan Malaysia yang berkhidmat di-Mekah mungkin bertambah.

Penghabisan-nya, Perbelanjaan Khas. Peruntukan perbelanjaan pada tahun 1968 melebihi sa-banyak \$3,250 daripada peruntukan tahun 1967. Pada tahun 1968 ini sa-buah kereta ambulan dan klinik akan di-beli dan perkakas kelengkapan bilek sakit akan diperbesarkan lagi. Sa-buah peti sejuk untuk menyimpan ubat² di-Mekah juga akan di-adakan pula tahun ini.

Tuan Pengerusi, dengan segala hormat-nya saya kemukakan Kepala² yang tersebut di-atas tadi untuk menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit dalam Kepala² yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perbelanjaan dalam Kementerian² di-bawah tanggung-jawab-nya.

Yang pertama saya hendak berchakap berkenaan dengan Jabatan Parlimen yang mana perbelanjaan sebanyak \$2,009,863 lebih kurang untuk kaki-tangan² Pejabat Parlimen ini. Saya mengambil peluang menguchapkan satinggi² tahniah kepada pegawai² yang telah menjalankan usaha yang begitu baik pada masa ini. Pertama sa-kali yang menarek hati saya, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan pengeluaran Penyata Rasmi Dewan (Hansard) kita sangat tidak memuaskan hati pada masa yang lampau, kita sekarang boleh di-katakan boleh dapat chepat Penyata² tersebut ia-itu ucapan² yang di-buat dalam Dewan ini dalam masa yang sa-sengkat²-nya.

Dalam perkara itu juga saya ada membangkitkan satu perkara lebih kurang dua tiga tahun dahulu berkenaan dengan taraf kerja pegawai² kita yang ada di-Jabatan Parlimen ini, terutama berkenaan dengan pensionable status mereka. Maseh lagi saya dapat tahu pegawai² yang patut masuk dalam bahagian pensionable belum lagi dapat taraf² pensionable status itu, dan mereka² yang sudah bekerja daripada Jabatan² lain yang bekerja di-Parlimen sekarang maseh lagi mendudoki kadar pension pada masa dia belum lagi masuk di-Parlimen ini. Jadi kesulitan² mereka ini terutama sa-kali pada mereka² yang akan bersara, saya tahu ada sa-orang dua akan bersara tidak lama lagi, tetapi kerana keadaan mereka bekerja di-Parlimen ini tidak di-beri taraf pensionable status lagi, ini akan merunsingkan mereka² ini dan pada mereka² yang membayar Widows and Orphans Fund juga akan terpaksa membayar balek kemudian, jikalau mereka terlalu lambat di-iktiraf sa-bagai orang yang boleh bertaraf pension pada masa hari ini. Jadi ini perkara telah saya bangkitkan dua tiga tahun dahulu dan masa ini maseh lagi belum dapat perlaksanaan-nya. Jadi saya sudah kata tadi, saya memberi tahniah kepada kerja² mereka ini yang begitu baik, giat, ia-itu patut-lah juga kita chuba mententeramkan kegelisahan mereka² itu dalam hal keadaan perkhidmatan kehidupan mereka pada masa hadapan.

Dan satu lagi perkara saya ada dapat tahu, ia-itu masa kita bersidang ini ada masa bekerja mereka ini sampai jauh² malam, dan ada pegawai² mendapat overtime, ada-nya tidak. Jadi, rasa saya, kalau kita hendak memberi-nya, biarlah sama. Kalau sa-orang mendapat sedikit, yang lain pun dapat juga. Jadi kalau betul pada anggapan saya ini, patut-lah perkara itu dapat di-awasi, sebab saya tahu Bahagian Pemberita Parlimen bekerja dengan baik hingga jauh malam, tetapi tidak dapat di-chap, tidak dapat di-saiklostailkan, kerana ada pegawai² yang lain daripada bahagian ini habis kerja dia pukul lima, dia tidak bekerja lagi, kerana tidak mendapat overtime dan sa-bagai-nya. Jadi kesulitan ini, rasa saya, kalau dapat kita awasi lagi, saya perchaya pada masa hadapan kelichinan perjalanan Parlimen kita akan dapat lebih baik lagi.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, pegawai² di-Parlimen sekarang, rasa saya, begitu berat kerja-nya sekarang, terutama sa-kali dalam bahagian Jawatan-kuasa kira² Kewangan Negara (Public Accounts Committee). Pada masa ini tidak ada pegawai tetap, chuma di-ambil pegawai Parlimen ini, di-pinjamkan (seconded) sahaja dan tidak ada pegawai² yang tetap ini mungkin perkara² itu melibatkan tidak kelichinan perjalanan dalam Public Accounts Committee ini, kerana pada masa yang sudah selalu Penyata Public Accounts Committee ini mengambil masa yang panjang dapat di-laporkan kepada Ahli Jawatan-kuasa, kerana kekurangan pegawai².

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tugas² Public Accounts Committee pada masa ini dan ka-hadapan bertambah², kerana tugas² baharu, ia-itu menyelideki perkara² perjalanan² kewangan, perbelanjaan² yang di-jalankan oleh tiap² Jabatan² Kerajaan sedang giat di-jalankan. Jadi jikalau pegawai² chuma di-ambil aleh, di-pinjam sahaja daripada Parlimen ini maka kelichinan perjalanan ini, saya fikir tidak dapat berjalan dengan baik-nya. Jadi saya berharap dapat di-timbangkan perkara ini dan ini-lah ke-baikkan untuk negara kita, kerana Jawatan-kuasa Public Accounts ini-lah

satu Committee, satu Jawatan-kuasa yang sangat², rasa saya berguna sangat kepada Kerajaan untuk panduan² bagaimana perjalanan² kewangan, perbelanjaan Kerajaan kita.

Sekarang saya masok kepada Juru Odit Negara. Di-sini juga saya juga mengambil peluang, ia-itu boleh dikatakan saya sudah lama juga bersama² dengan Juru Odit Negara ini dan kerja² pada masa yang lampau sangat memberi puas hati dan saya dapati kaki-tangan-nya maseh lagi tidak menchukupi, sebab saya kata begitu, saya berkehendakkan kerja² Odit Negara ini di-lebuhkan lagi, ia-itu banyak Badan² Berkanun kita yang patut di-jalankan odit-nya, pemereksaan kira² perbelanjaan-nya di-jalankan oleh Juru Odit Negara kita. Saya fikir, patut sangat, mana² Badan² Berkanun yang mendapat wang yang banyak daripada Parlimen ini patut sangat Badan² Berkanun, segala perbelanjaan dan kewangan-nya di-Odit, atau di-pereksa oleh Juru Odit Negara. Tetapi kerana keadaan Juru Odit Negara pada masa ini orang-nya, kaki-tangan-nya, sangat kurang dan saya dapat tahu lebeh kurang 500 orang sahaja di-tanah ayer kita ini, dan juga mustahak-nya pada fikiran saya wang yang kita bagi kepada Badan² Berkanun yang banyak itu supaya di-kira, atau pun di-pereksa oleh Juru Odit Negara ini terpaksa-lah kaki-tangan Juru Odit Negara ini di-tambah lagi dan segala badan² berkanun yang dapat wang yang banyak daripada Parlimen ini di-odit, di-pereksa oleh Juru Odit Negara. Tidak sa-bagaimana sekarang, saya tahu banyak Badan² Berkanun ini saperti Lembaga Letrik Negara ini tidak ditanggong-jawabkan kepada Juru Odit Negara, ia-itu di-bahagikan kepada Badan² yang bebas dan perbelanjaan² untuk hendak mengira, atau hendak mengodit Badan² Berkanun ini, saya tengok memakan belanja yang banyak berpuluh ribu tiap² satu Badan Berkanun ini. Jadi patut rasa saya wang yang banyak ini di-beri tambahan kaki-tangan kepada Juru Odit Negara ini dengan memberi peluang kepada anak² kita yang banyak keluar daripada sekolah sekarang ini menganggor dengan wang² yang banyak ini dapat kita, Kerajaan, memberi bantuan mereka ini

berkhidmat dalam Jabatan Odit Negara ini.

Saya bagi satu chontoh sahaja tadi, Tuan Pengerusi, tetapi banyak lagi Badan Berkanun yang bayaran odit-nya itu tiap² tahun berpuluh² ribu yang di-bayar oleh Badan Berkanun itu kepada private² firm yang membuat odit ini tadi.

Sekarang saya masok kepada B. 7 berkenaan dengan Bahagian Peranchang Ekonomi yang ada kita untokkan perbelanjaan sa-banyak \$625,000. Tuan Pengerusi, saya sa-kali lagi mengambil peluang menarek perhatian kepada bahagian ini yang telah meranchangkan ranchangan yang baik supaya negara kita bagaimana negara kita patut berkeadaan iktisad-nya yang baik begitu. Jadi di-sini pada masa yang lampau, rasa saya, tugas² ini telah berjalan dengan baik, tetapi kerana kita pada masa ini, Tuan Pengerusi, kita menghadapi zaman sains, zaman moden, tentu-lah rasa saya badan² ini dapat di-anggota² oleh mereka² yang berfikiran macham saya katakan tadi, keadaan zaman sekarang, keadaan kita hendak naik ka-bulan, menggunakan semua dengan pelajaran sains dan juga teknik dan di-dalam perkara ini, rasa saya sunggo pun telah di-jalankan sekarang, tetapi pada pandangan saya tidak berapa pesat lagi dapat badan ini betul² meranchangkan, memberi panduan kepada Kerajaan kita supaya semua sa-kali pegawai² Kerajaan kita mendapat panduan sa-chara moden. Kita tidak hendak lagi-lah sa-chara zaman dahulu menjalankan usaha² mentadbirkan kerja² kita.

Sekarang saya masok kepada B. 9, ia-itu berkenaan dengan Pejabat Perjawatan yang ada kita menguntokkan bagi kaki-tangan sa-banyak \$2,000,000 lebeh. Saya hendak membalekkan balek ucapan saya lebeh kurang dalam tahun 1963 dahulu, ia-itu berkenaan dengan Malayanisation, ia-itu memelayanaiskan, yang mana tiap² pegawai yang ada di-dalam Malaysia kita ini, saya fikir sudah sampai masa-nya kita tidak lagi berkehendakkan mereka² yang bukan ra'ayat negara kita. Pada pendapat saya, maseh lagi banyak Jabatan yang di-anggota² oleh orang²

yang bukan daripada ra'ayat Malaysia yang memegang jawatan tetap dalam jawatan² tinggi di-negeri ini. Saya rasa sudah lima tahun sekarang patut-lah sampai masa-nya mereka² ini, jikalau ia ada berjawatan, kita terpaksa memberi peluang kepada anak² negeri ini yang banyak balek keluar negeri boleh memegang jawatan² di-tempat² mereka yang ada sekarang. Jadi chuma rasa saya jawatan yang penting sangat yang tidak dapat kita ganti, ia-lah jawatan² professional, seperti dalam medical dan lain² jawatan seperti rasa saya yang saya tahu banyak jawatan yang banyak bukan daripada ra'ayat Malaysia jawatan haiwan yang banyak yang bukan daripada ra'ayat Malaysia. Jadi, rasa saya ini sampai-lah masa-nya kita tidak bertanggung lagi untuk menerima mereka² ini daripada jawatan² dalam negara kita.

Lagi satu perkara dalam B. 20—Kementerian Luar Negeri. Satu sahaja perkara yang menarek hati saya sangat untuk dapat di-pertimbangkan, ia-itu dalam Jabatan Imegresen kita. Selalu saya pergi, saya berasa sedeh, kerana tiap² mereka yang hendak pergi mengambil, baik hendak keluar negeri hendak ambil apa jua berkenaan Imegresen ini kita tidak memberi satu tempat.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, Imegresen itu di-bawah Kementerian Dalam Negeri, bukan di-bawah Kementerian Luar Negeri.

Tuan Haji Mohamed Yusuf bin Mahmud: Tuan Pengerusi, ya tidak di-bawah Kementerian Luar Negeri.

Satu lagi saya masuk kepada B. 21 Tuan Pengerusi, berkenaan Jabatan Urusan Haji. Saya, dalam hal Jabatan Urusan Haji ini, pada masa saya balek sa-masa saya menunaikan Haji pada tahun 1965 saya ada menghantar penyata², atau pun pandangan² saya bagaimana patut di-ubah, di-perbaiki banyak juga perkara itu telah dilaksanakan, tetapi ada satu dua perkara yang saya fikir sangat penting yang dapat di-fikirkan oleh Kerajaan Bahagian Urusan Haji ini. Yang pertama, berkenaan dengan Sheikh², ia-itu orang² yang akan mengelolakan bakal² haji,

orang² Haji di-negara Saudi Arabia sana. Saya tengok maseh lagi berjalan sa-chara lama, rasa saya, patut-lah perkara ini dapat kita jalankan sa-chara yang baik lagi, pada fikiran saya, ia-itu Kerajaan kita mengelolakan terus dengan pengelola² orang Haji di-Saudi Arabia sana. Tidak sa-bagaimana sekarang, ia-itu kalau saya hendak menunaikan fardhu Haji, terpaksa-lah, saya menulis, atau menchari kawan siapa Sheikh yang baik dan tidak baik-nya. Ada baik-nya rasa saya badan ini mesti menguruskan, umpama-nya mengiklankan di-surat² khabar di-Saudi Arabia, ia-itu katakan Kerajaan Malaysia pada tahun ini akan menghantar sa-bilangan bakal haji, kita harap mereka² akan menjaga orang² Haji kita ini dapat ka-hadapan memberi tawaran², dan kita beri dia sharat² bagaimana mengendalikan orang² kita. Dengan chara ini, rasa saya dapat di-ator dengan baik, tidak-lah payah bagaimana sekarang, kalau saya hendak naik haji, terpaksa-lah saya bertanya di-sana sini, siapa Sheikh yang baik, siapa Sheikh yang tidak baik, tetapi selalu-nya kerana dia itu terpengaruh oleh da'ayah² kemungkinan dia dapat berita yang baik di-sini dan bila lepas di-sana, ia-itu ikut takdir, ikut suka Sheikh² di-sana sahaja. Jadi ini-lah rasa saya, dapat di-kawal dan di-atorkan oleh kita, pertama sa-kali jikalau kita bagikan Sheikh² ini kepada Negeri² dan Sheikh² ini sahaja yang bertanggungjawab kepada Jabatan Urusan Haji ini. Dan kita beri sharat-nya ia-itu sharat rumah dia tinggal, layanan dia bekalan² yang sempurna dan sa-bagai-nya. Jadi rasa saya dengan ini akan memberi lagi keselamatan dan kebaikan kepada bakal² Haji kita.

Lagi satu chara membeli tiket, pada masa sekarang, saya tahu selalu bakal² Haji di-serahkan membeli tiket² ini kepada Sheikh² Haji yang ada di-Port Swettenham, atau pun di-Pulau Pinang ini. Saya rasa patut juga di-ubah biar-lah tiket² ini di-urus sendiri, melalui Pegawai² Daerah dan bakal² Haji ini menyerahkan duit-nya, kemudian dia menyampaikan tiket² ini terus kepada orang² yang hendak naik Haji tadi. Tidak lagi sa-bagaimana sekarang, kita tengok kebanyakan orang²

yang hendak naik Haji terpaksa menunggu di-Port Swettenham, atau di-Pulau Pinang satu dua hari dengan Sheikh² di-sini untuk mengelolakan hal tiket, sebab apa, kita sekarang bernasib baik, kerana perjalanan baik, tidak payah lagi di-tunggu di-Port Swettenham sana. Jadi, kalau macham saya daripada Temerloh, naik haji, saya tidak payah tunggu di-Port Swettenham satu malam, saya tahu hari Sabtu 10 haribulan, pukul 2.00 kapal akan belayar, saya akan berlepas daripada Temerloh pukul 6.00 pagi, terus ka-Port Swettenham, tidak payah saya mengelolakan dengan Sheikh²-nya yang mana terpaksa tiap² satu orang kena bayar kepada Sheikh² ini sabanyak \$15.00 mengelolakan untuk mendapatkan tiket dan memberi tumpangan sa-malam di-Port Swettenham itu. Jadi rasa saya, ini dapat di-uruskan terus oleh pegawai², melainkan ada bakal² haji kita yang jauh, rasa saya ini pun tidak sulit, kerana kita banyak sekarang rumah² perhentian yang baik, dan ini akan menjauhkan akibat² kemungkinan wang di-salah-gunakan oleh Sheikh². Saya tahu masa saya pergi tahun 1965 dahulu ada Sheikh² ini menyalah-gunakan duit ini tadi, ia-itu sampai kapal hendak belayar pun, belum tentu lagi tiket itu boleh di-dapati. Jadi ini rasa saya perkara tentu-lah tidak sampai kepada pengetahuan kita kerana apa, dengan pakatan ramai Sheikh² yang lain itu ganti duit orang tadi, kerana hendak melindungi perkara ini tetapi ini dapat ka-pengetahuan saya dan saya telah sampaikan kepada pehak yang berkenaan pada masa saya balek dari Haji dahulu. Jadi, tiga empat perkara ini rasa saya akan mendapat perhatian daripada Jabatan Urusan Haji ini, dan dapat-lah kita kebaikan kepada bakal² haji kita pada masa yang akan datang. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I wish to touch first on page 76, where the sum of \$26,899 has been allocated for National Library Service. Now, Mr Chairman, Sir, the question of a National Library has been hanging fire for more than 10 years. I think this subject has been discussed in many Government Depart-

ments and many a Committee has been set up to investigate the feasibility of a National Library, but unfortunately, Sir, many moons have gone by, and one has yet to see the beginnings of a National Library. It will be true to say that it is a national disgrace not only to the Government but also to us, the people of this country, that we do not have a National Library worthy of the nation, and I do hope that instead of a paltry allocation of \$26,000-plus for a National Library Service, which is by no means national in the accepted sense of the word, the Government should really get down to brass tacks and find money for a National Library. Some years ago, I discussed this subject with a business tycoon and he did tell me that if the Government were to appeal for funds he would be prepared to match dollar for dollar the money that the Government would give for such a project. Unfortunately, that business tycoon has since passed away and a splendid opportunity like that, which I think the Government also knows, has gone begging. I would urge very strongly that the Government should seriously consider a National Library, the absence of which is a national disgrace.

Mr Chairman, Sir, I come to the allocation of \$10 for a Librarian for Parliament, on page 27. Now, we have a library downstairs, but last year the allocation was \$10, this year the allocation is also \$10 for a Librarian. Why should there be only a token allocation for such an important post? Is it because the Government cannot find an officer to fill that post, or is it because the Government does not think that the library downstairs merits a qualified librarian to run it? I have noticed that the Assistant Minister in introducing the estimates of the Prime Minister's Department took great pains to bring to the notice of this House that the allocation for the purchase of books has been increased from \$7,000 to \$8,000. I would say that far from his daring to mention it, he should keep quiet about it, because it is a disgrace that we should only allocate \$8,000—an increase of \$1,000—for our library down below. I would suggest to the

Government that instead of calling it a Parliament Library, the Government should convert it into a Malaysian Legislative Library where records from the Legislatures of other countries can be kept, where we can go down and look up the various references that are so very necessary if we want to take an intelligent part in the debates that go on in this House. For example, two weeks ago I went down below to look for some back numbers of the *Far Eastern Economic Review*. Now, I do know that the *Far Eastern Economic Review* just now is in the bad books of the Government, but that is no reason why a reputable journal like that should be absent from the library down below and I believe that subscription to that journal has been started only a few months back. I do seriously commend to the Prime Minister's Department that: (a) they should find a qualified librarian to run the library down below; (b) they should convert the library down below into a proper legislative library, a Malaysian legislative library, so that those of us who have to do some back-room work can find the material. We can now find a place to do some back-room work, but we cannot find the tools—that is, the books to look up. Finally, this allocation of \$8,000 is far too small. I believe that the Member for Bachok and I time and again in years past have commented on the fact that this paltry sum should be increased manifold, so that we can buy the books that are of use to Members of this House.

Mr Chairman, Sir, I now come to page 34—Election Commission. I believe that there has been a Press report that the Election Commission instead of registering voters for a particular period in the year—the period, I believe, is in the month of September for one month only—it has now decided that there should be an all-the-year-round registration. Now, if that report is true then the Opposition Parties certainly would like to know from the Government what will be the effect of this all-the-year-round registration on the coming election. For example, if the Government in its

wisdom decides to hold an election in October—and that is not beyond the realms of possibility—these people who are registered, let us say in June or July, will they be allowed to vote? This is a very important matter because it affects not only the Alliance Party but those of us on this side of the House. While we welcome such an all-the-year-round registration, the Government must make known its intentions. The Government knows very well that this monthly registration is a farce—it served no useful purpose in the past; on the other hand, this all-the-year-round registration will enable us on this side of the House certainly to register as many voters as possible all-the-year-round.

Mr Chairman, Sir, I come now to the various allocations for the Prime Minister's Department. One sees that there is not only a proliferation of bodies for the various departments within the Prime Minister's Department but also there is a proliferation of officers or departments within the Prime Minister's Department. I have in the past commented on the Malaysian Centre of Development Studies, and the Development Administration Unit. Now, it is sad to say that while there is a proliferation both of bodies and of departments, there is *pari passu* not an equivalent increase either of efficiency or of output of productivity from the Prime Minister's Department. One only has to see the admissions of failure on the part of the Chief Secretary in a seminar that was held recently by the D.A.U. He said that there are so many departments in other Ministries proliferating and that they cannot catch up with the times there are so many bottlenecks and the like. Instead of making apologies, the Chief Secretary would spend his time more usefully to see that within the Prime Minister's Department there is greater productivity and greater efficiency on the part of all the bodies and all the department down there.

Now, Mr Chairman, Sir, I wish to touch on page 56, where under O.C.A.R. Sub-head 4 there is an item of \$125,000 for Government Hospitality Fund. We heard the Minister

of Education the other day said that the entertainment of the American students was met from this Fund. If that is so, then I say, and I maintain, that this Hospitality Fund is far too high, and what we should do is to cut it down to size, so that the taxpayers' money is not wasted and thrown down the drain in welcoming officially those who come and visit this country as unofficial visitors and not even as guests of the Government.

I also wish to touch on Head B. 7 Sub-head 12—Study Tours. In the previous year the allocation has been \$400,000. The Government in its wisdom now has cut it down to \$286,000. I maintain that this \$286,000 is still far too high. It enables the Ministers, in particular, to go *pusing*², for no apparent reasons. We in this House should try and cut this down to size so that the study tours, whether undertaken by Ministers or Members of Parliament, for their own good in fact, should not be inflicted on the tax-payers of this country.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, Menteri² jarang sangat menggunakan wang Study Tour ini. Boleh di-katakan tidak pernah.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, walau pun Menteri² jarang menggunakan wang ini, Menteri² terpaksa tidak boleh keluar negeri untuk *pusing*², Tuan Pengerusi.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, oleh kerana Study Tours ini untuk Members of Parliament dan lain² orang yang berkenaan, bukan untuk Menteri².

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, although we are now told that the orbital flights of Ministers do not come from this sum of \$286,000 allocated for this year, nevertheless the study tours undertaken—we are told mainly by members of Parliament—serve no useful purpose except for those who go on such *pusing*².

Mr Chairman, Sir, I come to page 72, Sub-head 8, Whitley Council, where for the last year and this year the allocation is only \$10. Has Whitleyism

been dead and buried by the Prime Minister's Department that last year there should be only an allocation of \$10 and this year also an allocation of \$10? In the past, the Ministers have been extolling the virtues of Whitleyism and encouraging the Government servants to try and make use of the Whitley Council machinery, in order to settle their pay claims and any grievance they may have with the Government. Now, it looks to me that we may just as well close the office—I think there is an office in Broadrick Road for the Whitley Council—we may just close that office because the allocation for last year has been \$10 and for this year is also \$10 and, no doubt, with the intention of the Government not to honour the recommendations of the Suffian Salary Commission's Report, Whitleyism will be dead and will be given a decent burial with this \$10 token vote.

On the same page, Mr Chairman, Sir, a little lower down, is an allocation of \$5,000 for Overseas Medical Expenses. I do not see why, having allocated only a \$10 token vote for the Whitley Council, there is an overseas medical expenditure of \$5,000. It really does not make sense to me that you disregard Whitleyism now—you think it is dead, it has not merited consideration, it should deserve only \$10 token vote—and you make an allocation of \$5,000 for overseas medical expenses. Overseas medical expenses for whom? For the P.E.O. who may streak out on some other business and then when he gets ill to meet his medical expenditure from this \$5,000? I shall be grateful for an answer from the Assistant Minister.

Mr Chairman, Sir, I now come to the Department of Statistics. There one sees that last year the allocation was \$2,154,655 and this year the allocation is \$2,321,975—an increase of only \$167,320. I presume this increase represents the increase in salaries of the staff. That being so, I do not see how the Statistics Department can carry out the work that the Assistant Minister has taken such a long time to enumerate. He has enumerated about 20 projects that this Department wishes to

carry out. Now, if this Department wishes to carry out all these projects, how can it only have this normal increase in salaries for existing staff and not increase in bodies of the Department? Apart from all the projects that the Assistant Minister has enumerated, he has forgotten that this Department is also intimately connected with the preparation of the electoral rolls for the coming elections, and there is also the preliminary work that this Department has to make in connection with the 1970 census—all of which means that there will be an increased work load on this Department, and yet there is no increase in bodies to enable it to carry out its work.

Mr Chairman, Sir, I come to page 62 there is an allocation of \$22,200 for the Federal Secretary, Sarawak! Now, the post there is a "C" post. In the past many a time the people in Sarawak had gone to the Federal Secretary in Sarawak and found that he is absolutely powerless particularly when there was a hunger strike in the "University of Kuching" down there. The people who went to the Federal Secretary could not get a straight forward answer to some of the questions that they asked. Perhaps, one of the reasons is that the rank of the Secretary there is too low—he is Superscale "C". Perhaps, if we send a more senior officer with more powers, it will meet with the wishes of the people of Sarawak, because then they will not think that they are the poor cousins of the people in West Malaysia. I commend this idea to the Honourable Assistant Minister.

Mr Chairman, Sir, I wish to come to the allocations for the Ministry of Foreign Affairs—Head B. 20. We know that many posts are vacant, that many posts have not been filled. In the past, I have brought to the attention of this House that the Government, or the Ministry of Foreign Affairs, has the very bad habit of filling such important posts with members of the Royal House of Kedah, and I have been taken to task by some of the Government Ministers, but if one looks at the names of our diplomats abroad, one sees that

royalty is very strongly represented. I believe that this is not a very wise thing, because it will discourage career officers from remaining in the Foreign Service, if they find that all the top plums are being occupied by feudalistic chiefs. I do know of one diplomat who was sent to a very important Asian country and who because of, shall we put it mildly, his mistakes there was almost *persona non grata*. Instead of calling him home and letting him cool his heels in the office in Wisma Putra, the Government has sent him off to another country. Now, this is incomprehensible to me, because our diplomats abroad reflect the image of this country and if they, to put it mildly, make very bad mistakes in foreign countries then the image of this country is imparted abroad. Consequently, I would hope that with the many posts that are vacant, in particular the post at Moscow, the Government should try and fill them with career officers of the right calibre and not political hacks, as they say, who have served their usefulness in this country.

Finally, Mr Chairman, Sir, if I may touch on the allocation on page 27, for the Editor of Parliamentary Debates. With all the good work that is being done down there, all that we get is the cyclo-syling of the reports. But with the elections coming around, and particularly with those of us on this side of the House who have to do home work, the Government should, instead of cyclo-styling such things for us, and this is a good thing, should try and print all the back numbers of our Hansard. Our Hansard is two years late and we should try and bring them up-to-date. I believe the difficulty is with the Government Printing Department, because they cannot cope with work. If that is so, then what the Parliament should do is to farm out the work to private printers, so that we can catch up with the two years of backlog of our Parliamentary Debates. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4 petang hari ini.

Dewan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan D. R. Seenivasagam (Ipoh) *(dengan izin):* Mr Chairman, Sir, speaking under Parliament and, in particular, in regard to remuneration to members, I would like to bring to the notice of this House that we, as Members of this House, whether we are the Prime Minister, Cabinet Members or Members of Parliament, are paid, so that we come into this House to debate with logic and common sense, so that the people of Malaysia will know the true position in this country. Therefore, I do hope that in the coming year, as was suggested this morning, more books will be placed in the Library for Members, including the Prime Minister, to learn something of Parliamentary procedure. We, who raise matters and are paid remuneration for it, expect logical replies and it is Parliamentary practice that logical replies, or replies at least, should be given to matters raised, and it is with considerable regret that I note that in debates in this House replies are not given to many matters which we raise, instead of which we get filth, we get dirt from the mouth of the Ministerial Bench. Mr Speaker, Sir, not only that, we get lies, downright lies, even from the Prime Minister himself. To emphasise the importance of Members, as I would say, earning our money here, I must refer very shortly to some replies which were given to show to this House that some of us are not really earning our allowances which we are paid.

Mr Chairman, Sir, the Prime Minister in reply to a question I raised—and this is only one example I am giving—

on the question of P.P.N. medals, said this when referring to me:

"As regards his remark that the Malaysian medals were given to UMNO and M.C.A. Members only, that is not really true and that is really mischievous. So many medals were made at the time and they were given as souvenirs to Members—he himself got it. He got a gold one too."

If the Prime Minister thinks that I got a gold medal, either he has committed criminal breach of trust of my gold medal, or it has disappeared in the course of reaching me, because I never did receive a gold medal and that is a lie which was said to this House by none other than the Prime Minister himself. Then he goes on, "That he would not say here."

Mr Chairman, Sir, we who raise matters expect honest answers; we do not expect dishonest trash from the Government side. What did I say in this House? I said this: "Mr Speaker, Sir, the Government very kindly, some meetings ago, put a medal on our table, a silver medal known as the P.P.N. Medal. Each one of us carried it home." Why then does the Prime Minister say that I did not even say that, that I have received a P.P.N. Medal? Why does he tell a lie to this country that a gold medal was given? I never received any gold medal. I would like to know what happened to my gold medal. That is one example of an unsatisfactory Parliamentary procedure in this House.

Mr Chairman, Sir, however, I have been in this House for 11 years. I have learnt not to expect any satisfactory answer from the Prime Minister. I am resigned to that. After all, from a buffalo what do you expect? Only filth, rubbish and trash. That is all you can expect from a buffalo, as the saying goes.

Now, coming to Foreign Affairs, when I made my speech, and this is the last example I am giving—the *Straits Times* reported it and whether the *Straits Times* reports what I say today or not, it will still appear in the *Hansard*—the *Straits Times* reported me as saying that the staff of foreign embassies was staffed mostly by *bumi-putras*. That is utter rubbish. My speech, as it comes out, will show that I did

not say that. I said that most of the Ambassadors and Representatives of the nation are *bumiputras*. I said, and I say again, the policy of the Minister here should be to send out a Malaysian image to the world; and if you want to send out the Malaysian image, then the world must know what do you mean by a "Malaysian", and for that reason it is vital that Malaysians of various races should be sent out to Foreign Embassies, so that a Malaysian picture and not a *bumiputra* picture will be put out to the outside world. Mr Chairman, Sir, I do hope that in the choice of future Ambassadors, it will be on merits, and let us not try to say that in this country we have no one, or we have such few men of merit from the *non-bumiputra* section that the large majority of our Ambassadors have to be *bumiputras*. Mr Chairman, Sir, that is the type of thing which I complain in this House. It is for us to maintain the dignity of this House. If one Member, be he the Prime Minister, or be he an Opposition Member, breaks the dignity of this House, then all Members will start breaking the dignity of this House and where are we going to end? It was never my intention to speak; I had to come back to Kuala Lumpur; I had to stay here to have these few words which I have said today.

Tuan C. V. Devan Nair (Bungsar) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, first, B. 1, pages 27-29—The Senate and the House of Representatives.

Sir, the provision for 1968 generally is similar to the provision for 1967, and may be regarded as a standstill provision. Discrepancies, however, occur, and they are:

- (1) In page 27, item (17) the provision for 1968 is the same as that for 1967 in respect of the number of Reporters for Parliament. In other words, 14 Reporters were provided for in 1967, and 14 reporters are equally provided for in 1968; but the monetary provision for the same number of Reporters for 1968 decreases by some \$27,000. An explanation is surely called for. Are we going

to cut the salaries of all the Reporters, or what?

- (2) Then, Sir, in page 27, item (21) Malay Translators, the provision for 1968 in respect of Malay Translators is the same as that for 1967. But although the number of Malay Translators remain the same, the monetary provision for them increases by \$4,200. Now, Sir, the salary scale laid down for Malay Translators is classified and given under C-49, which provides for annual increments of either \$14 or \$19. As there are 4 Malay Translators, the maximum salary increase needed for 1968 should be $4 \times 19 \times 12$ which comes to \$912.

An explanation is, therefore, required as to the necessity for an increase of \$4,200.

- (3) In page 28, item (43) sub-head 2, the provision for 1968 in respect of housing allowance is increased from \$37,000 to \$60,000, but the total number of staff for 1968 is the same as provided for 1967, and an explanation is required as to the reason for this increase.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya minta ulang balek, muka berapa, what page?

Tuan C. V. Devan Nair: I am sorry, Sir, it is page 28, item 43, sub-head (2). Sorry, it is again wrong. I think it is item 42, on page 28, Housing Allowance—an increase from \$37,000 to \$60,000.

Tuan Pengerusi: Item nombor berapa—what item?

Tuan C. V. Devan Nair: It is item 42; there is no sub-head there.

Next on page 28, Administration, the sum \$106,450 is provided for 1968 against the provision of \$121,550 for 1967. The most significant change is the decrease in the provision for cleaning Parliament. The expenditure in this respect has been decreased from \$50,000 to \$35,000 in 1968. May we hope, Sir, that 1968 will therefore not see a dirtier Parliament.

In page 29, sub-head 4, the provision for expenses in connection with meetings of Parliament and Parliamentary Committees is reduced by \$170,000 to \$380,000 in 1968. Perhaps, the Honourable Minister will explain the significance of this reduction. Does this mean, for example, that we had been extravagant in the past to the tune of \$170,000?

Then, again, on page 29, sub-head 22, Parliamentary Delegations Overseas the provision is increased by \$10,000 to \$35,000 for 1968. Again, Sir, against the background of the constant talk of financial stringency and the need to tighten belts, and so on, could not it be asked whether Parliamentarians could not do with less international jaunts in a year of very great stringency?

Next, Sir, I come to Head B. 3, pages 31 to 33—Juru Odit Negara. Sir, the provision for 1968 for the Audit Department can be regarded as a standstill provision. This Audit Department costs the country around \$3 million a year. For 1968, it is proposed to have an additional 3 Examiners of Accounts, an additional clerk on the General Clerical Service, and the reduction of a clerk in the Trengganu State Clerical Service in respect of West Malaysia.

Sir, an Audit Department is a vital administrative need for any Government which is keen to ensure efficient administration of public funds. One gets the impression, however, that in Malaysia, the Government regards the Audit Department more as a necessary evil than an administrative asset. I am referring, Sir, to the constant lament one comes across in practically every report issued by the Audit Department that it cannot get accounts audited in good time; that during the course of auditing queries are seldom, if ever, answered; and most damaging of all, that audit observations and recommendations are seldom, if ever, implemented.

Government Ministries and Departments are certainly guilty of merely tolerating this Department as an unavoidable evil provided by the Constitution. If this attitude is to change, and if the Audit Department is to

contribute towards efficiency and scruples in public administration, then clearly, Sir, a very stern directive has to be issued to all Ministries and Heads of departments that any failure to respect audit observations and recommendations will be dealt with severely. If this is not done, then the approximately \$3 million provided annually for the Audit Department represents an absolute waste of money.

I would like, however, to pay a tribute to the conscientious manner in which the officers of the Audit Department have conducted their work, and it is not their fault at all if they are treated more like prophets in the wilderness than as a very vital administrative need.

Next, Sir, Head B. 7, pages 45 to 46, Prime Minister's Department. For the Prime Minister's Office, a standstill provision is made for 1968. There are no significant changes, and small changes are easily explainable. But on page 47, there is the Economic Planning Unit. The provision, in terms of Personal Emoluments, may be regarded as a continuous one. There are no significant changes. The point about the Economic Planning Unit however is that it is reputed to be staffed with capable and qualified persons. It may rightly be assumed, therefore, that some good work has been done. But, unfortunately, the public is not aware of the work of this Planning Unit. Possibly, it may be the Government's policy to hide the light of this Unit under a bushel, but this surely cannot be in the interest of the country.

It has also been widely talked about, Sir, that this Economic Planning Unit is rather frustrated by having its plans and its work modified, or altered, or even completely ignored, more on political grounds than on the basis of sound economic or other factors. In the circumstances, it would be helpful, if clarification is forthcoming on these questions from the Honourable Minister.

Next, Sir, under Head B. 9 on page 67, we have provisions for the Office of the Director of Establishment. Sir,

we find that on page 69, the provision for Personal Emoluments comes to \$2,547 million and that this is a drop compared to last year's provision for \$2.9 million. The biggest drops in the provisions are contained on page 68 item 38, in respect of the salaries of officers on first appointment, training, leave, overlap, transfer and secondment, which shows a decline of some \$220,000. Other variations appear to be normal adjustments.

Now, Sir, the cost of Malaysia in terms of salaries in the Public Services is estimated to be around \$100 million a year. This outlay indicates a very large staff. In the circumstances, the expenditure of \$2½ million on the Establishment Office, which exists to plan, control and regulate the Civil Service is apparently too small as it represents less than 0.25 per cent of the Civil Service bill. Unless the Establishment Office can be re-organised and even possibly replenished, the country may expect the continuance and the growth of existing frustrations in the Civil Service, arising from unattended grievances, unattended claims, unattended representations and so on.

Next, Sir, again on page 69, under Head B. 9, we have provisions for the Staff Training Centre, which has a standstill provision for this year. This centre has one Principal, one Senior Training Officer, three Training Officers and 12 Assistant Training Officers, but it also has a compliment of nine office-boys. The proportion of office-boys to officers, therefore, is more than 50 per cent of the staff and, certainly in terms of ratio, it is about the highest in the country for any Ministry or Department.

There is also provision, we note, for one butler—this seems to be a world of P.G. Woodhouse—four boys, one cook (special grade), one amah and one sewing-cum-washing amah. Now, Sir, I submit that these are inexplicable expenditure, in the light of the fact that under Other Charges Annually Recurrent provided for the Staff Training Centre, there are no provisions for a house, let alone a kitchen. One wonders, therefore, Sir, where the

butler, the amah and the sewing-cum-washing amah operate. And for whom? Are we to assume, Sir, that these digits operate in the open air? I would like some clarification from the Honourable Minister as to what exactly all this is about.

It must be observed also, Sir, that the Staff Training Centre has been noted by two eminent visiting professors in a report as "functioning only on paper." I think the professors concerned were Professors Milton Esman and Montgomery who, we recollect, had very harsh things to say in their Report on "Development Administration in Malaysia" about this Centre, and I invite an explanation from the Minister in the light of these criticisms and the observations I have made.

Lastly, Sir, I go back to Head B. 4, pages 34 to 37, the Election Commission. The total expenditure for this Department is estimated to come to nearly \$1.4 million in 1968. The provision in 1967 was \$1.7 million. Sir, if the \$300,000 provided in 1967 for State General Elections (Sabah) were disregarded for purposes of comparison, then the 1968 estimate may be regarded as a standstill provision in comparison with that of 1967. A study of the staff of the Election Commission reveals that for the whole of Malaysia, the total personnel comes to around 143 persons. This establishment appears to be a permanent and a continuous one. When elections take place, a special provision is found as in the 1967 provision, but the question that arises is whether it is all that necessary to expand \$1.4 million on 143 persons year after year. Could not a smaller staff do the job, just as well, when, after all, in between elections all that is really required is supposed to be a skeletal staff?

I have this one more, small observation, Sir, on Parliament where I note that there is a provision of \$500 annually for a wig for the Clerk of this House. I, Sir, enjoy good relations with the staff of the Parliament and I like to see our Clerks very prim, trim and proper, but what I would like to pose, Sir, is, is it really necessary to

have \$500 every year to provide a new wig? I mean, could not one wig with suitable amounts of talcum powder be made to serve for more than one year? That is all, Sir. Much obliged.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit di-bawah Kepala B. 20, Butiran (134), ia-itu Wakil Tetap ka-Bangsa² Bersatu. Di-dalam Anggaran Belanjawan ini di-tetapkan sa-banyak \$11,000 akan di-belanjakan untuk Wakil Tetap berbanding dengan \$22,200 yang telah di-tetapkan pada tahun 1967. Ini nampak-nya bahawa Kerajaan tidak akan memilih lagi Wakil Tetap kita untuk sementara waktu. Saya berasa berkenaan dengan Wakil Tetap ka-Bangsa² Bersatu itu ia-lah satu perkara yang besar. Di-Bangsa² Bersatu bukan sahaja ada negara² yang mana kita ada Kedutaan kita tetapi juga ada negara² lain, sa-banyak lebih daripada 100 yang mana kita tidak ada hubungan langsung. Jadi, *image* kita dalam Bangsa² Bersatu patut-lah di-hargai oleh Kerajaan dan patut-lah Kerajaan memikir berkenaan dengan pemilihan siapa-kah yang akan menjadi Wakil kita di-Bangsa² Bersatu.

Pada masa dahulu kita telah ada sa-orang Wakil di-sana dan ada pada satu masa telah jadi suatu peristiwa yang mana kita telah nafikan, tetapi pada negara² lain telah timbul satu *image* berkenaan dengan Malaysia ini, ia-itu banyak daripada negara² yang ada Wakil-nya di-Bangsa² Bersatu pada tahun 1965 di-waktu itu saya ada dudok di-United Nations sendiri yang berasa bahawa Malaysia ini ia-lah di-India. Oleh kerana itu-lah sebab nampak-nya Wakil Malaysia itu terdiri daripada orang yang keturunan daripada India dan juga perkataan² yang di-keluarkan oleh Wakil itu telah menimbulkan perasaan di-antara Wakil² yang ada di-Bangsa² Bersatu bahawa kita ini ia-lah sa-bahagian daripada India. Ini kita telah menafikan dan saya perchaya Wakil kita pun tidak memikirkan sa-bagai orang India, tetapi malang-nya oleh kerana salah sangka dan salah faham di-antara Wakil² di-Bangsa² Bersatu, maka banyak dari-

pada sa-ratus lebih negeri² yang ada Wakil di-Bangsa² Bersatu telah memikirkan kita ia-lah sa-bahagian daripada India. Jadi, dalam pemilihan Duta² dan Wakil² patut-lah kita memikirkan supaya kita adakan *Malaysian image* sa-benar²-nya dan jika kita memilih orang yang daripada apa keturunan sa-kali pun, maka *image* yang di-tunjukkan kepada dunia luar mesti-lah *image Malaysia*.

Ini bukan-lah dengan chara memilih bangsa, atau keturunan orang, tetapi dengan chakapan² dan chara² membentangkan fikiran² dan polisi² Kerajaan. Kalau orang itu terdiri daripada orang Melayu, atau pun orang China, atau pun orang India, ini tidak mengapa, tetapi apa yang mustahak ia-lah polisi² dan chakapan² yang di-keluarkan oleh Duta² kita.

Saya berharap-lah bahawa Kementerian Luar Negeri apabila memilih Wakil ka-Bangsa² Bersatu patut-lah memikirkan, bukan berkenaan dengan keturunan orang yang menjadi Wakil Tetap kepada Bangsa² Bersatu, tetapi orang yang betul² dapat membayangkan hasrat dan polisi yang ada pada Kerajaan.

Berkenaan dengan Kedutaan² yang kita akan buka di-beberapa buah negeri pada masa² yang akan datang ini, saya ingin menyokong balek shor yang datang daripada Wakil dari Batu, ia-itu patut-lah kita mengutamakan *professional officers* yang ada dalam Kementerian Luar Negeri. Saya sendiri telah berjumpa dan berchakap dengan banyak daripada *professional officers* yang ada dalam Kementerian Luar Negeri dan mereka ini memang layak untuk menjadi Duta, malang-nya mereka ini terlalu muda, tetapi soal muda/tua ini tidak patut di-timbulkan untuk menghalang mereka daripada menjadi Duta Besar kita ka-mana² negeri dan saya harap-lah Kerajaan dalam memilih Duta² yang kita akan hantar kepada negeri² yang baharu, mesti-lah pilih orang² yang betul² chekap walau pun mereka itu muda dan tidak mengambil berat tentang keturunan mereka itu.

Setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian pada muka surat 59, Kepala-kecil 65—Pemberian kepada Badan² Islam. Tuan Pengerusi, semenjak kita merdeka, Islam telah menjadi ugama rasmi di-dalam tanah ayer kita, tetapi saya berasa dukachita umpama-nya peruntokan pada tahun 1967 sa-banyak \$20,000 tetapi pada tahun 1968 di-kurangkan lagi, tinggal \$18,500. Jadi Pemberian kepada Badan² Islam sa-rupa ini, nampak sangat bagi pehak Kerajaan, kita tidak mengambil berat berhubung dengan kemajuan Badan² Islam untuk mengembangkan ugama Islam di-dalam tanah ayer kita. Jadi, saya merayu pada Menteri supaya dapat peruntokan yang lebih banyak lagi di-berikan Pemberian kepada Badan² Islam.

Muka surat 56, Kepala-kecil 12—Lawatan Sambil Belajar: Tuan Pengerusi, walau pun ada pehak² Pembangkang telah menentang dengan menu-doh Kerajaan membadzirkan wang ra'ayat kerana lawatan sambil belajar ini, pada pendapat saya ada-lah sangat mustahak bagi pehak Kerajaan kita mengadakan bahagian kewangan dalam lawatan sambil belajar ini; tetapi di-harapkan pada pehak yang berkenaan supaya bukan sahaja Wakil² Ra'ayat, tetapi bagi pehak pegawai² Kerajaan yang mempelopori Kerajaan dalam negeri ini juga bersama² mengambil bahagian, walau pun telah ada umpama-nya pegawai² telah di-hantar dalam lawatan sambil belajar, tetapi sangat mustahak, kerana negeri² yang telah di-lawati di-luar daripada tanah ayer kita ini, banyak pelajaran², chontoh² yang patut kita bawa balek ka-dalam negeri kita.

Muka 58, Kepala-kecil 59—Darjah Kebaktian. Ini juga, Tuan Pengerusi, saya berharap pemberian² bintang² ini bukan-lah sa-mata² kepada orang awam, atau pun orang yang menjadi ahli politik sahaja di-bahagi, di-beri, tetapi pegawai² Kerajaan, untuk menjadi perangsang kepada mereka², bukan sahaja kepada pegawai² tinggi bahkan pegawai² rendah yang dia telah ber-khidmat. Umpama-nya dalam Baha-gian IV pun kalau dia layak dia ber-khidmat bersungguh² kepada Kerajaan

patut-lah di-beri peluang mendapat bintang ini. Umpama-nya kita bagi pehak Kerajaan telah mengadakan bintang P.P.M. Jadi bintang ini banyak di-beri kepada ahli² politik sahaja, walau pun bintang ini tidak agak-nya, pada saya berharga, ada sa-tengah² orang kata tidak berharga. Umpama-nya kata pehak Pembangkang, tetapi pada saya berharga, patut-lah juga di-beri kepada pegawai² Kerajaan yang bertungkus lumus memajukan bersama negeri ini.

Sa-lain daripada itu muka surat 259—Sewa Perumahan yang ada per-untokan sa-banyak \$100,950 ber-hubong dengan bakal² Haji di-Mekah. Jadi peruntokan yang sa-rupa ini tidak-kah ada jalan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kita mem-buatkan rumah² supaya di-sewakan kepada mereka² yang berkenaan.

Jadi itu-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong per-untokan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan. Sa-lain daripada itu saya gemar menarek perhatian dalam beberapa Kepala yang saya maksudkan demi kepentingan ra'ayat dalam negeri ini, Dato' Pengerusi, B. 2, Majlis Raja² Melayu yang meminta wang sa-banyak \$143,929 walau macham mana saya gemar mengulang dengan rengkas atas apa yang saya kemukakan di-Dewan ini berhubung dengan supaya Kerajaan mengambil tindakan ka-atas umat² Islam yang keluar daripada ugama Islam ya'ani menganut ugama Kristian. Saya berterima kaseh-lah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri yang memberi peng-akuan di-Dewan ini akan mengemuka-kan di-Majlis Persidangan Raja² Melayu pada masa hadapan.

Sa-lain daripada itu saya meng-ucapkan tahniah atas ketegasan Kera-jaan sekarang mengambil langkah salah sa-orang padri yang menarek orang Islam dalam negeri ini supaya memelok ugama Kristian dengan mem-berikan umpan \$300 pada sa-orang. Ini, saya ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan demi memelihara

kedaulatan ugama rasmi negeri ini ia-itu ugama Islam.

Satu perkara, Dato' Pengerusi, bila kita tengok pula di-akhbar², juga di-majallah², buku² yang berupa penyiaran yang berunsor ugama Islam pada masa yang akhir ini pernah kita menapti cherpen karya dan sajak, atau buku yang di-datangkan dari luar negeri yang di-ajarkan di-sekolah, kadangkala bertentang dengan pengajaran ugama Islam yang sa-benar-nya. Isi buku itu kadang² menyeleweng dengan ajaran Islam kadang² merosakkan akidah sa-orang Islam terhadap Tuhan-nya. Sa-olah² cherpen, atau sajak itu mempermainkan ugama atau dengan chara sambil lewa, atau mempermainkan pena saperti sajak yang saya hendak chontohkan, Dato' Pengerusi, sajak "Sidang Roh", atau cherpen "Ulamak Moden"; "Daya Hayal Ugama".

Kita berbangga ahli sastra kita yang membuat cherpen dan sajak yang berthema ugama yang berupa satu penyiaran, tetapi oleh sebab mereka itu kurang mendalam² pengajaran ugama, atau ada buku² yang di-datangkan, yang di-karang bukan daripada orang yang berugama Islam, saya mengharap Majlis Ugama Raja² Melayu supaya dapat memerhatikan dan menyelideki buku² dari sa-masa ka-samasa dan di-rojokkan kepada Majlis Ugama Raja² supaya dapat dikuatkuasakan kepada Majlis Ugama tiap² negeri bagi membaiki buku² yang saya katakan itu atau sajak² atau cherpen yang saya katakan itu.

Satu perkara, Dato' Pengerusi, saya hendak menarek perhatian, ia-itu berhubung dalam Jabatan Perdana Menteri, muka 56, Pechahan-kepala 9, saya hendak bangkitkan berhubung dengan Ujian Kuran. Ujian Kuran ini memang mendapat satu pujian yang besar sama ada dalam negeri dan juga luar negeri, tetapi satu perkara yang saya pandang bahawa pentas Ujian Kuran itu tidak patut kita gantikan pada tiap² tahun. Kita bukan mendewa²kan pentas; patut pentas itu kita gunakan sepuluh tahun, atau lima tahun dan dengan ini dapat kita mencheramatkan wang kita kerana masalah ini.

Sa-lain daripada itu, Dato' Pengerusi, saya pandang bahawa Ujian Kuran ini kalau boleh di-chuba kita buat di-kawasan Masjid Negara, maka dengan ini mudahan² perkara² yang menjadi sungutan orang ramai berhubung dengan sorakan² yang di-beri oleh peserta² yang hadhir dalam Ujian Kuran kita itu, dapat di-basmikan, kerana mereka sama² bukan memulikan Ujian Kuran itu, mereka dapat memulikan kawasan tempat, ia-itu kawasan Masjid Negara. Dan saya harap di-masa yang akan datang dapat di-pelawa negara² yang ada umat Islam daripada Blok Kominis saperti daripada Russia, atau juga daripada Czechoslovakia yang ada hubungan dengan kita sekarang ini.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, berhubung dengan perjawatan. Saya nampak, kalau dapat di-fikir oleh Pejabat Perjawatan ini, ia-itu kaki-tangan Kerajaan kita dalam masaalah pakaian waktu mereka berkhidmat dalam jawatan². Baharu² ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah meminta supaya guru² jangan memakai pakaian *a-la-beatle* pakaian yang menjolok mata. Saya tidak mahu, kalau boleh keselurohan kaki-tangan Kerajaan dapat di-nasehat oleh ketua perjawatan ini supaya mereka memakai pakaian yang tidak menjolok mata yang sesuai dengan adab tertib keaslian kita Timor dan juga sa-bagai kesopanan kita sa-bagai pegawai Kerajaan. Saya tidak menegah, sebab pakaian ini ada-lah satu perkara yang bebas, kalau mereka pakai luar daripada mereka waktu bekerja, itu bukan soal Kerajaan. Sa-tengah² negeri mengharamkan pegawai² Kerajaan waktu bekerja dengan pakaian mini-skirt-nya, atau pakaian ketat-nya, saya harap Kerajaan Malaysia juga dapat berbuat demikian. Pakaian² yang menjolok mata ini, Dato' Pengerusi, biarlah saya bagikan pandangan yang lanjut sedikit, sebab dapat Kementerian ini memberikan pandangan wanita² yang pakai yang jolok mata itu pakai mini-skirt-nya, baju yang mendedahkan urat, sampai terbuka di-sabelah belakang-nya, di-sabelah hadapan-nya. Kita pun tidak suka tengok hingga menaikkan nafsu, saya

tidak suka tengok, Tuan Pengerusi (*Ketawa*). Kemudian kita puji orang² India, dia pakai *Sari*, dan orang² China-nya menunjukkan kebudayaan-nya pakai *cheongsam*. Tetapi kita harap *cheongsam* itu jangan sampai kapeha, sampai betis sudah-lah, begitu juga sari itu, jangan sampai terbuka dia punya perut, Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Jadi saya harap ini bukan sahaja bagi jawatan² yang rendah, sampai jawatan² yang pegawai² kanan-nya, patut pakai baju lengkap dengan tali leher, itu pegawai² kanan, pegawai² rendah itu kita harap dengan keadaan yang betul sopan. Kalau negeri saya, Tuan Pengerusi, negeri Johor telah memerentahkan semua pegawai wanita-nya pakai baju kurong, boleh barangkali di-Malaysia ini pakaian baju kurong, atau pun baju kebaya yang sesuai dengan keadaan kita yang tidak menjolok mata. Begitu juga kalau pegawai² pehak lelaki-nya, kami di-negeri Johor menghendakkan supaya pegawai² itu memakai tali leher waktu bekerja ini, kadang² kita tengok pegawai² lelaki-nya sa-tengah² jawatan, dia pakai seluar pendek, Dato' Pengerusi, sampai dekat pangkal peha. Jadi menjolok mata sangat

Tuan Pengerusi: Ini kita bahatkan Rang Undang² peruntukan²-kah, atau pakaian-kah?

Tuan Ahmad bin Arshad: Tentang peruntukan perjawatan, Tuan Pengerusi, jadi saya bagikan pandangan yang lebih jauh supaya dapat difikirkan oleh Pegawai Perjawatan dalam masaalah ini.

Satu perkara lagi yang akhir, Tuan Pengerusi, dalam Perangkaan, B. 11, ia-itu penyiasatan tanaman negara. Saya memandang bahawa bagaimana yang di-ishtiharkan oleh Kerajaan dalam tahun 1971, kita tidak payah membeli beras daripada luar negeri, dengan ada-nya Rancangan² Taliayer di-Sungai Muda dan di-Kemubu di-Kelantan. Saya nampak baharu dapat matlamat yang di-kehendaki oleh Kerajaan itu, ia-itu dengan mengadakan satu rancangan menanam padi yang luas 50,000 ekar itu bagaimana Kera-

jaan membuat Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah.

Daripada 50,000 ekar itu, Dato' Pengerusi, tanah ini di-namakan ladang padi Kerajaan. Yang mengusaha peladang itu di-ambil daripada belia² di-tempat itu. Hasil padi itu Kerajaan punya, dan Kerajaan pula memang sedia ada satu gudang kerana menyimpan padi. Jadi dengan ini dapat kita mengambil belia² kita yang menganggor sekarang supaya ditempatkan dalam kawasan rancangan yang saya kata tadi. Dengan ini juga berbagai² kemudahan boleh di-dapati. Kerajaan telah mengambil pakar² daripada Amerika, dan lain² berhubung dengan padi bagaimana di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi kalau di-gunakan pakar dalam bahagian pertanian dalam membaiki hasil padi ini, ia boleh gunakan jentera yang moden, boleh gunakan jentera mengetam padi, mengisar padi dengan tidak payah banyak menggunakan tenaga manusia. Jadi, segala padi yang keluar daripada tempat itu di-jadikan padi Kerajaan dan di-masokkan dalam gudang padi yang di-simpan oleh Kerajaan sekarang. Pemuda² kita daripada semua bangsa, bukan orang Melayu sahaja, orang India dan orang China, warganegara Malaysia, yang bekerja, yang dudok di-kawasan ladang itu kita beri gaji dengan mereka. Dengan ini, padi Kerajaan itu senantiasia ada dalam keadaan yang tidak terjamin, kadang² kalau di-harapkan padi² daripada luar, boleh jadi orang yang mengusahakan tidak sempurna, tetapi dengan ada usaha Kerajaan, kita harap padi yang kita kerjakan itu akan dapat di-isikan dalam gedong² kita itu. Sa-takat itu-lah, Dato' Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyokong bekalan untuk Parlimen dan saya ingin hendak berchakap di-atas Butiran (3)—Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Negara, ia-itu \$348,000 dan Butiran (6)—Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat \$1,068,000. Tuan Pengerusi, saya sudah pun berchakap atas perkara ini dan saya harap dapat perhatian lagi daripada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri, mengenai apa yang saya telah

pun minta supaya di-timbang dengan sa-halus-nya ia-itu mengenai sara hidup kapada Ahli² Parlimen.

Dewan ini telah pun lulus satu Rang Undang² untuk memberi sara hidup kapada Perdana Menteri. Elok-lah di-timbang supaya di-buat satu Bill, atau undang² memberi sara hidup kapada Yang Berhormat² Menteri, Menteri² Muda juga Ahli² Parlimen ia-itu Ahli² Dewan Ra'ayat dan Ahli² Dewan Negara, kerana sa-bagaimana kita ma'alum perkhidmatan daripada bekas Menteri Dalam Negeri dahulu dan kita telah pun bersetuju untuk memberi satu hadiah, atau sugu hati. Jadi sa-kira-nya kita adakan satu undang² memberi sara hidup kapada orang² yang berkenaan yang saya sebutkan tadi yang telah pun berkhidmat sa-lama lapan tahun sa-bagai Menteri.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Boleh-kah saya dapat pengertian sara hidup penchen itu erti-nya, atau pun sara hidup itu, erti-nya bayaran allowance yang di-maksudkan sara hidup itu.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Penchen saya ma'anakan. Jadi, saya berharap-lah dapat perhatian daripada pehak yang berkenaan, kerana kita dapati di-negara² bagaimana yang saya tahu saperti Canada, Australia, New Zealand, England juga, ada satu undang² yang memberikan penchen kapada Ahli² Parlimen. Jadi ini adalah satu perkara yang akan memberi kemudahan kapada Ahli² Parlimen yang sudah tua mithal-nya, yang sudah berkhidmat kapada negara sa-lama lebeh daripada lapan tahun, atau pun sa-kurang²-nya lapan tahun. Dengan ini dapat-lah memberi satu penghargaan kapada Ahli² Parlimen, juga Juma'ah Menteri manakala mereka berhenti daripada perkhidmatan, dapat-lah mereka mengharapakan kapada penchen yang mereka dapat.

Sa-bagaimana Tuan Pengerusi tahu, sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat manakala hendak masuk bertanding dalam pilehanraya, terpaksa dia sendiri belanja yang daripada poket-nya sendiri, jual rumah, berhutang daripada beberapa puncha. Jadi jikalau ada harapan sa-bagai penchen, maka dapat-

lah Ahli² ini sa-sudah mereka berkhidmat, dapat penchen sa-hingga dia meninggal dunia. Jadi saya shorkan, bukan-lah hendak bagi banyak, kalau Ahli Dewan Ra'ayat yang dapat elaun sekarang ini \$750 di-beri 1/3 daripada \$750 kata-lah \$250 sa-bulan pun jadi-lah sa-bagai tanda penghargaan perkhidmatan oleh sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat juga Ahli Dewan Negara, dan juga Ahli² Juma'ah Menteri. Jadi saya berharap dapat perhatian lagi sa-kali di-atas permohonan saya moga² dapat di-luluskan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, muka 29, ia-itu Pechahan-kepala 4—Belanja berkaitan dengan meshuarat Parlimen. Saya berharap pehak Menteri² manakala hendak membentangkan Bill² supaya di-tuliskan dalam dua bahasa. Ada sa-tengah² Menteri, saya puji-lah, saya ucapkan tahniah yang telah pun membentangkan Bill dalam dua bahasa, tetapi maseh lagi ada Bill² yang di-bentangkan dalam satu bahasa, ia-itu bahasa Inggeris sahaja. Saya berharap pehak Menteri yang berkenaan dengan sa-boleh²-nya bentangkan sa-barang Bill dalam Dewan ini dalam dua bahasa supaya membolehkan Ahli² Parlimen, Ahli² yang tidak tahu bahasa Inggeris faham sa-benar²-nya isi kandungan Bill yang di-kemukakan. Bagi diri saya tidak mengapa, Tuan Pengerusi, kerana saya tahu dalam bahasa Inggeris juga bahasa kebangsaan, tetapi ada di-antara Ahli² Parlimen yang tidak begitu faham dalam bahasa Inggeris kalau di-bentangkan kedua² bahasa dapat-lah mereka itu mengikuti perbahathan dan mengerti sa-benar²-nya isi kandungan Bill itu. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dua tiga perkara sahaja dan saya tidak berchadang hendak mengambil masa yang panjang.

B. 4, Pechahan-kepala 17 dan 20—Surohanjaya Pilehanraya. Memang benar dan ada niat Kerajaan hendak mengkaji pilehanraya yang akan datang ini berhubong dengan kawasan² pilehanraya, dan perkara ini pun telah di-umumkan oleh Pengerusi Pilehanraya

dalam akhbar baharu² ini, bahawa satu kajian berhubung dengan kawasan pilehanraya dan pembahagian-nya akan di-lakukan.

Saya suka mengambil peluang di-sini, Tuan Pengerusi, berhubung dengan kawasan pilehanraya. Sa-bagaimana saya di-fahamkan, bahawa pengkajian kawasan pilehanraya ini hanya terhad kepada menentukan kawasan² yang tersilap, atau hendak di-perbaiki bagi kemudahan Wakil² berkhidmat dalam masa perkhidmatan-nya. Saya merayu kepada pehak Kerajaan, Tuan Pengerusi, supaya menimbangkan masaalah penambahan kawasan pilehanraya ini. Kalau ini perlu mengambil masa atau mengambil persetujuan Dewan oleh sebab perubahan Perlembagaan maka saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat supaya menimbangkan.

Pada masa yang sudah², Tuan Pengerusi, kawasan pilehanraya selalu di-tafsirkan kepada banyak pengundi, jumlah ramai pengundi; tidak di-tafsirkan kepada keluasan kawasan kepada satu² kawasan pilehanraya. Jadi kerana ada dalam chatetan ini, Pechahan-kepala 17—Mengkaji Samula Bahagian² Pilehanraya Parlimen dan Negeri (Malaysia Barat). Jadi saya mengambil kesempatan memberi pandangan kepada Kerajaan bukan sahaja mengkaji kawasan pilehanraya, tetapi mengkaji pembahagian kerusi pilehanraya itu patut di-tambah, hatta kalau sa-kira-nya mustahak atau di-kehendaki mengambil persetujuan dalam Dewan ini kerana kehendak² Perlembagaan.

Saya bagi pandangan, Tuan Pengerusi, sa-saorang Wakil Ra'ayat ada-lah menjadi pegawai perantaraan yang tidak rasmi di-antara Kerajaan dengan ra'ayat akan menyampaikan kehendak² Kerajaan kepada ra'ayat dan sa-balek-nya daripada kehendak² ra'ayat kepada Kerajaan.

Kalau sa-kira-nya kehendak ini di-jalankan dengan 100 peratus, saya fikir tenaga yang ada pada sa-orang Wakil Ra'ayat yang kawasan-nya lebar dan luas itu tidak dapat di-penuhi, sedangkan Wakil Ra'ayat tidak mempunyai lain² kemudahan sa-lain dari-

pada \$150.00 tambahan daripada apa yang telah di-beri sa-lama ini.

Saya tidak hendak membandingkan perkara yang ada kawasan, kawan² atau Ahli² Yang Berhormat bernasib baik dalam tempoh dua jam dia boleh mengelilingi kawasan-nya dengan aman dan sempurna, tetapi ada Wakil Ra'ayat yang terpaksa meninggalkan rumah-nya hampir pulohan hari, kerana hendak menemui pengundi-nya atau hendak memberi perkhbaran atau pun cheritaan kepada pengundi² kawasan itu dan memakan banyak belanja. Jadi dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, saya memohon Kerajaan menimbangkan.

Sa-lain daripada itu saya suka beraleh, Tuan Pengerusi, kepada B. 7, Pechahan-kepala 59—Darjah Kebaktian. Saya tidak ungkitkan di-atas kehendak Kerajaan kelulusan sa-banyak \$175,000 itu dan saya bersetuju sa-buah Kerajaan mengadakan Bintang Kebaktian untok di-beri kepada ra'ayat-nya. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di-sini, Tuan Pengerusi, chara² Kerajaan menyampaikan bintang itu yang saya ragu²kan. Saya boleh memberi pandangan, Tuan Pengerusi, di-Negeri Pahang, chuma ada dua sahaja yang dapat J.M.N. dan tidak ada langsung Tan Sri.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tetapi ada Tun.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Tetapi ada Tun, kata-nya.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya minta biar-lah perahu saya belayar dengan terus kemudian, boleh-lah singgah di-mana pelabohan dan saya sedar menjawab yang lain daripada itu. Saya bersetuju, di-Pahang ada Tun, tetapi Johor juga ada Tun, Perak juga ada Tun. Tetapi benda yang saya bangkitkan, Tuan Pengerusi, pemberian yang tidak bagitu adil pada hemat saya, dua Bintang J.M.N. yang di-beri kepada 440,000 ra'ayat negeri Pahang dan tidak ada sa-orang P.M.N., apa-kah ini tidak bererti bahawa ra'ayat negeri Pahang tidak berkhidmat, tidak bagitu ta'at

setia yang penoh kepada negara Malaysia ini?

Kalau kita bacha senarai Bintang Kehormatan pada tiap² tahun hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia, sa-paroh daripada senarai itu orang di-Kuala Lumpur ini, dan sa-paroh daripada-nya pegawai Kerajaan. Saya minta ma'af, saya tidak menyentoh kepada sahabat² saya, tetapi kalau sa-kira-nya, minta ma'af, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah—jangan-lah di-chadangkan saya dapat pangkat ini. (*Ketawa*). Biasa-nya orang yang tidak dapat selalu merungut², tetapi diri saya Alham dulillah saya lebeh shukor saya tidak dapat apa², tetapi saya berhak dengan izin, Tuan, saya hendak mengemukakan kepada Kerajaan timbangan istimewa yang sa-patut-nya. Perkara yang berlaku ini patut di-perbaiki. Tidak ada sa-orang China dalam negeri Pahang yang dapat J.M.N. yang lebeh banyak ini P.M.N. Ini agak saya sudah tersilap kelmarin. Banyak sudah hal ini, tetapi ini pun baik juga. Tetapi saya harap dalam masaalah pada tahun yang akan datang ini, kalau kita tersilap, kita betulkan kesilapan itu, dan kita harus menerima kesilapan itu dengan tenang dan kita mengaku kita menerima. Ini-lah chara-nya, kalau kita boleh membaiki perkara itu. Saya berhutang budi kepada Yang Berhormat Menteri.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak menyokong pembelian kereta rasmi untuk Istana Negara sa-banyak \$64,149. Sudah patut kereta² rasmi di-Istana Negara itu di-pergantian dan saya bersetuju, kalau dapat motokar yang lebeh baik sa-padan dengan kegunaan Duli Yang Maha Mulia, tetapi saya hendak menyentoh sedikit, Tuan Pengerusi, atas Istana Negara itu sendiri. Saya sudah lama berchadang hendak berchakap berhubung dengan Istana ini. Pada hemat saya sudah tiba masa-nya Kerajaan kita mempertimbangkan bagi mendirikan sa-buah Istana yang baru yang di-namakan Istana Negara juga. Bagi saya bukan orang Kuala Lumpur, Tuan Pengerusi, bila lalu ka-Kuala Lumpur ini di-hadapan Istana Negara itu sendiri, ada banyak benda² yang patut kita perbaharui saperti padang,

ada barek, maseh ada lagi pokok pisang, kalau kita hendak pergi ka-jalan Istana Negara itu sendiri, sedang Istana ini akan di-lawati oleh pembesar² negara asing.

Jadi saya mohon kepada Kerajaan bagi menimbangkan sa-buah Istana yang baharu yang di-chari tempat yang lebeh menasabah, sebab sa-panjang yang kita tahu, Tuan Pengerusi, di-London, Tuan pernah pergi, dan pernah dudok, ada pagar; Negeri Jepun ada parit keliling Istana Raja Jepun, bertumpu ra'ayat-nya di-sana, di-sini di-mana yang hendak kita tumpu. Kalau saya sendiri hendak pergi, berhenti-lah pada tepi jalan itu sa-kejap, tengok-lah dan waktu malam kita nampak-lah merchu Istana itu sahaja.

Jadi sekarang ini di-mana tempat yang kita hendak letakkan keagongan kita? Pada Duli Yang Maha Mulia ia-lah tempat tumpuan ta'at setia kita. Kita harus memberi satu keistimewaan. Jadi sekarang negeri pun sudah aman, kita sudah tidak ada konfrantasi, apa-lah salah-nya kita menimbangkan untuk mendirikan sa-buah Istana yang baharu bagi Duli Yang Maha Mulia menggantikan Istana yang ada ini.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu pada masaalah B. 9, ia-itu Perjawatan. Pada masa ini maseh banyak pegawai yang bersara yang berkhidmat dengan Kerajaan. Jadi saya merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan mereka itu dan patut-lah di-gantikan dengan orang² yang baru, kerana bila sudah umur lebeh daripada 60 tahun ini maseh berkhidmat, kita tidak dapat kecekapan mereka itu pada menjalankan tadbir, terutama dalam negara kita sedang membangun, Tuan Pengerusi, kita berkehendakkan tenaga baharu. Jadi dengan sebab kita memberhentikan perkhidmatan mereka itu memberi peluang kepada orang² yang muda yang baharu lulus sekolah mengambil tempat mereka itu. Dan sa-lain daripada itu saya berharap perkara yang saya chakap tadi mendapat pertimbangan. Terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong di atas Perbekalan Belanjawan bagi tahun 1968 ini.

Dato' Pengerusi, B. 1—Parlimen, saya suka-lah hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Parlimen ini, bagaimana yang telah di-chakap oleh rakan saya bahawa Parlimen ada-lah sa-buah bangunan yang teragong dan yang termulia bagi sa-sabuah negara yang mengamalkan, atau yang berdasarkan demokrasi. Dan ada-lah sangat di-harapkan bahawa tiap² orang anggota² yang ada dalam Parlimen ini maka sa-harus-nya-lah mereka itu mempunyai pakaian yang tertib dan sopan santun yang mana akan menjadi satu ukuran kepada pelawat² yang pada tiap² hari menchurah² datang ka-bangunan Parlimen ini.

Apa yang saya hendak merayu, Dato' Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan pakaian wanita, kerana saya dapati ada sa-tengah memakai mini-skirt. Jadi, ini pun saya minta-lah, sebab macham mana saya kata tadi Parlimen kita ada-lah satu bangunan yang mulia, jadi minta-lah tiap² orang yang ada dalam bangunan ini menghormati

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Untuk penjelasan, saya harap tidak di-tujukan pada wanita² dalam Dewan ini.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dato' Pengerusi, jadi apa yang saya maksud tadi bukan-lah Ahli² Parlimen, ia-lah pekerja² yang ada di-dalam Parlimen ini. Itu-lah maksud saya, ia-itu pekerja² wanita yang ada dalam Parlimen ini. Dan, Dato' Pengerusi, ada satu perkara lagi berkenaan dengan Parlimen ini juga, saya rasa patut-lah mendapat perhatian, kerana bagi tiap² sa-buah bangunan yang bersejarah samacham Parlimen ini, maka sa-harus-nya-lah di-adakan satu muzium, tempat simpanan macham jubah Tuan Pengerusi dan bintang² yang Tuan Pengerusi dapat, kita simpankan dalam muzium di-dalam Parlimen ini, supaya bila pelawat² datang ka-mari, maka dapat-lah mereka itu melihat benda² yang bersejarah itu ada tersimpan di-dalam bangunan Parlimen ini dan

bagitu juga kalau penuntut² umpamanya yang hendak membuat research berkenaan perkembangan Parlimen di-Malaysia ini saya ingat susah Dato' Pengerusi, hendak menchari bahan terpaksa dia melonchat ka-sana dan melonchat ka-sini. Jadi, kalau dapat, Dato' Pengerusi, menimbangkan perkara ini, maka saya perchaya tentu-lah akan mendapat sambutan yang baik.

Yang kedua, Dato' Pengerusi menyentuh pada B. 7—Perdana Menteri, muka 56, Pechahan-kepala 9—Pertandingan Membacha Quran. Saya memberi sokongan yang kuat apa yang telah di-chakapkan oleh rakan saya, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara bahawa dalam pertandingan yang akan datang ini kita harus-lah menjemput Qari² dan Qariah² daripada Soviet Union, kalau boleh, biar Komunis China sa-kali sama datang, kerana di-sana mempunyai Islam yang bagitu banyak dan bagitu juga lain² negara yang mana saya perchaya, kalau kerana Islam kita, tentu-lah tidak ada batas dan kalau dapat kita menjemput mereka itu, maka ini menjadi satu perkara yang lebeh bangga lagi bagi kita di-dalam merayakan pertandingan membacha Al-Kuran bagi tahun² yang akan datang.

Dan, Dato' Pengerusi, ada satu perkara yang mustahak saya rasa biar-lah saya sentoh juga di-sini, ia-itu muka 59, berkenaan Peranchang Keluarga, kerana saya tengok ini banyak duit yang di-untukkan pada tahun ini, tetapi apa yang menjadi khuatir bagi saya, kerana di-dalam masalaah Peranchang Keluarga ini, saya tidak tahu-lah di-negeri lain, di-negeri saya di-Negeri Perlis, banyak lagi orang² kampong yang menggunakan ubat daripada nenek moyang mereka, ia-itu dengan memakan akar² kayu, hingga membawa maut, kerana tidak mahu anak. Jadi, kalau ranchangan ini dapat di-luaskan dan di-hebahkan sa-chara besaran supaya dapat kita mengawal perbuatan² yang salah itu yang mana akan merugikan ra'ayat kita bagi masa yang akan datang. Dan bagitu juga di-dalam hal ini saya tengok dan saya biasa dengar juga orang² kampong berbual kenapa tidak pergi ambil ubat Peranchang Keluarga. Mereka berkata,

ubat itu murah, tidak baik. Hendak pergi dekat doktor, kata mereka doktor kenakan \$2 lebeh, itu amat-lah mahal. Jadi, tidak berdaya, tidak mampu membeli. Jadi, apa yang saya tahu ubat itu satu jenis sahaja, tetapi harganya berbedza. Jadi, saya minta-lah supaya harga pill² dalam Peranchang Keluarga ini minta di-control, bagi satu harga sahaja. Tidak ada \$1.00, tidak ada \$2.00. Jadi, dengan demikian, jangan ada-nya dapat anasir memainkan satu peranan yang burok terhadap perkembangan Peranchang Keluarga ini.

Dan pada akhir sa-kali, Dato' Pengerusi, saya hendak menyentoh B. 21 ia-itu berkenaan dengan muka 259, Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun, Pechahan-kepala 2—Perbelanjaan Urusan Haji.

Saya sa-bagai sa-orang bekas Juma'ah Penasehat Haji lebeh kurang 10 tahun yang berkhidmat dengan Lembaga itu, maka saya memberi ucapan ber-banyak terima kaseh-lah kepada perbadanan ini yang telah menjalankan usaha² bagi membaiki keadaan orang² haji, Juma'ah Haji kita daripada satu tahun ka-satu tahun, dan pada masa sekarang boleh di-katakan bagi tiap² orang yang hendak menunaikan fardhu haji itu, tidak lagi sa-bagaimana yang telah lalu, ia-itu selalu ketinggalan tidak chukup kapal dan bermacam², tetapi sekarang segala masaalah² yang tersebut dapat di-atasi dan pada tahun yang lalu saya bacha dalam surat khabar yang keluar di-Mekah bahawa Kerajaan Saudi Arabia telah memberi pujian yang baik sa-kali kepada Juma'ah Haji kita dari Malaysia, ia-itu mereka telah memuji bahawa Juma'ah² Haji Malaysia ada-lah Juma'ah Haji yang terbaik dan berdisplin sa-kali di-antara Juma'ah² Haji yang ada di-merata² dunia. Bagitu-lah pujian yang telah di-gambarkan oleh Surat khabar Arab terhadap Juma'ah Haji kita Malaysia. Mereka pergi di-sana, Tuan Pengerusi, sa-benar² hendak menjalankan urusan ibadat haji, tidak sa-bagaimana Juma'ah² Haji yang lain, yang bermacam² chara.

Dan yang akhir sa-kali saya menyokong penoh atas pendirian Kerajaan Malaysia di-Bangsa² Bersatu berkenaan

luar negeri juga yang telah memberi sokong kuat terhadap negara² Arab yang menentang pencherobohan Israel terhadap negara² Arab. Dan apa yang saya berkehendakkan di-sini, Dato' Pengerusi, supaya negara kita Malaysia membuat satu penyusunan supaya dapat pemuda² kita, ia-itu sukarelawan yang hendak pergi berkhidmat, kerana hendak mempertahankan Baitul-Mukadis dapat di-atorkan oleh negara kita. Tetapi saya minta biar-lah negara PAS dahulu, Dato' Pengerusi, ia-itu pemuda² negeri Kelantan supaya mereka itu tampil ka-muka untuk berjuang mempertahankan negara yang suchi, ia-itu Baitul-Mukadis. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya tidak berniat untuk berchakap panjang dalam perengkat jawatan-kuasa ini hanya beberapa perkara yang di-rasakan mustahak. Pertama di-dalam Kepala Bekalan 4—Surohanjaya Pilehanraya. Di-dalam Perbelanjaan Khas di-dalam Pechahan-kepala 16—Pilehan raya Umum Majlis Berkuasa Tempatan peruntukan yang di-minta bagi tahun 1968 ia-lah \$110.00. Bagi saya sendiri, Tuan Pengerusi, tidak faham, entah saya silap, atau tidak, sa-lama yang saya tahu tidak pun pernah ada pilehanraya bagi Majlis Berkuasa Tempatan ini, tetapi nampak-lah Pilehanraya Umum Majlis Berkuasa Tempatan itu di-minta bagi tahun hadapan dan yang telah lalu sa-banyak \$110.00. Jadi, saya mengharapakan, kalau sa-kira-nya benda itu tidak ada, walau pun ada peruntukan itu tidak usah di-adakan, kerana itu ada-lah merugikan negara kita sendiri.

Perkara yang kedua agak-nya lebeh besar sadikit, ia-itu di-dalam Kepala Bekalan 7—Perdana Menteri, muka 52, Pejabat Menteri Bagi Hal Ehwal Sarawak. Pada pandangan saya sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat, saya rasa tidak mustahak pejabat atau Menteri Hal Ehwal Sarawak ini, Tuan Pengerusi, sebab Sarawak ada-lah merupakan sa-bahagian daripada Malaysia. Demikian juga saya tidak setuju di-adakan Pejabat Menteri bagi Hal Ehwal Sabah, kerana urusan²-nya itu dapat di-tadbirkan oleh orang yang di-bawah Jema'ah

Perdana Menteri dan Menteri² kita sendiri, sa-lain daripada itu pun di-dalam Sabah atau Sarawak mempunyai Menteri² yang bersangkutan. Perkara² yang bersangkutan urusan luar negeri ini kita sudah ator di-dalam Perlembagaan kita dan di-dalam Perlembagaan Negeri itu sendiri, sebab-nya saya timbulkan perkara ini, Tuan Pengerusi, kita menghadapi masalah kewangan yang sulit sa-kali. Peruntukan yang di-kehendaki sa-banyak \$86,280 bagi Sarawak dan begitu juga Sabah tentulah berpuluh² ribu wang kita di-gunakan untuk urusan ini, padahal urusan itu dapat di-jalankan oleh Kementerian² lain, sebab itu saya minta walau pun perkara ini tersinggong perasaan orang Sarawak atau Sabah, tetapi kita sa-bagai sa-buah negara yang satu dan kita mahu satu pentadbiran yang efficiency, chukup dengan syarat² tertentu yang boleh di-jalankan oleh pihak yang lain, maka yang tidak mustahak itu patut-lah kita hapuskan. Jadi, saya minta perkara ini menjadi pandangan kepada Kabinet dan Perdana Menteri.

Kepala Bekalan 7—Perdana Menteri, di-dalam Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, ia-itu Pechahan-kepala 12—Lawatan Sambil Belajar. Tadi telah di-timbulkan masalah ini oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Melaka yang mengatakan walau pun bagaimana peruntukan melawat sambil belajar ini ada-lah baik, tetapi bagi saya, Tuan Pengerusi peruntukan yang di-untukkan bagi tahun 1968 \$286,000 patut-lah juga Kerajaan menghapuskan-nya, sebab \$286,000 bukan-lah satu perbelanjaan yang kecil, kalau kita melihat bagaimana ra'ayat² di-kampung hari ini bergelumoran dengan kemiskinan; harga getah turun, beras mahal, ada sa-tengah² tempat yang hanya dapat makan satu kali sa-hari nasi. Ini tidak hanya berlaku di-negeri Kelantan, tetapi banyak negeri² lain, nasib orang kampung seluruh-nya dalam Malaysia ini menerima akibat ini. Dan kita semua sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat, kita tahu, sebab kita bekerja bukan hanya dalam pejabat, tetapi kita bekerja di-kampung, sebab itu saya mengharapakan study tours yang di-kehendaki seperti itu tidak ada perkara lain, melainkan me-

lanchong dengan tidak memberi hasil yang baik sangat di-hapuskan-lah demi untuk menjaga wang ra'ayat, kemudian ra'ayat pula akan menanggung beban seluruh-nya.

Dalam Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun ini juga Tuan Pengerusi, dalam Pechahan-kepala 16—Majlis Kebajikan dan Permainan Pegawai² Kerajaan yang di-kehendaki pada tahun 1968 ada-lah \$40,000. Saya juga minta perkara ini di-hapuskan sahaja walau pun kita memberi pertimbangan kepada pegawai² kerajaan dalam bidang kebajikan bagi mereka dan dalam permainan bagi mereka itu, tetapi lebih baik mereka ini masuk sahaja dan di-jadikan satu badan sukan semua dengan ra'ayat² lain, tidak ada beza di-antara pegawai Kerajaan dengan badan² sukan yang lain, sebab kita juga hendak menyelamatkan wang kita \$40,000, Tuan Pengerusi, dalam satu tahun. Saya minta juga perkara ini di-hapuskan, kita sama² berkorban demi untuk kita sama² menginsapi kemiskinan ra'ayat.

Kepala Bekalan 7 juga—Perdana Menteri dalam muka 60, Pechahan-kepala 84—Perbelanjaan Menterjemah Tafsir Al-Quran di-kehendaki bagi tahun 1968 sa-banyak \$20,000. Bukan-lah maksud di-sini kita menentang mengadakan terjemahan Al-Quran itu tetapi sa-jauh mana sudah usaha² terjemahan Al-Quran itu di-lakukan oleh pihak yang berkenaan sa-telah Kerajaan mengeluarkan wang lebih daripada \$20,000. Dahulu sudah di-untukkan \$20,000 bagi tahun ini di-untukkan \$20,000 erti-nya hampir² sudah \$40,000 bagi dua tahun. Apa-kah hasil-nya? Kita sama² mahu melihat. Kalau sa-banyak \$20,000 yang di-kehendaki satu pun tafsir belum di-keluarkan lagi, saya fikir usaha² ini tidak-lah begitu munafa'at dan sesuai dengan tugas yang di-beri kepada pihak yang berkenaan.

Pada akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, dalam perkara Parlimen saya undor ka-belakang sa-dikit, ia-itu di-dalam muka 28, Butiran (33)—Atendan Lip. Saya dapati bahawa Atendan Lip merasa satu masalah, ia-itu mereka tidak di-bayar elaun tambahan, ia-itu elaun lebih kerja. Oleh itu kita mintalah kepada pihak Perdana Menteri dan

Dewan ini meluluskan, atau memberi elaun tambahan pada mereka bila mereka itu bekerja lebih dari masa.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 5.29 petang.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 5.40 petang.

(Tuan Pengerusi mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Perbahathan di-sambung sa-mula.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap kapada Bekalan 7, Perdana Menteri, muka 51—Surohanjaya Khas Gaji.

Tuan Pengerusi, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri Malaysia pernah memberi pengakuan kapada kaum wanita negeri ini akan melaksanakan dasar gaji sama bagi kaum wanita akan menimbangkan berdasarkan Surohanjaya Khas Gaji (Hakim Suffian). Sa-lepas itu pula, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan-nya pada membentangkan Rang Undang² Anggaran Belanjawan tahun 1968, dengan lain² perkataan-nya ada mengatakan, "oleh sebab keadaan kewangan negara tidak mengizinkan, mungkin shor Surohanjaya Khas Gaji (Hakim Suffian) itu di-tangguhkan." Saya ingin tahu, ada-kah mungkin menanggohkan itu, termasuk tidak menimbangkan untuk melaksanakan bayaran gaji sama bagi kaum wanita kaki-tangan Kerajaan yang bekerja sama, kelulusan yang sama dengan kaum lelaki dan mengikut pengakuan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri Malaysia yang mana Kerajaan telah pun membuat terima pada dasar-nya gaji sama itu telah tiga tahun, ada-kah Kerajaan akan utamakan memberi pertimbangan bayaran gaji sama itu bagi kaum wanita dengan penanggohan atau pembekuan shor Surohanjaya Khas Gaji itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu oleh sebab ada di-kemukakan di-dalam Dewan ini berhubung dengan tidak berkenan-nya pakaian² wanita, sama di-luar Dewan, atau pun yang menjadi kaki-tangan Dewan Parlimen ini. Saya tidak-lah berchadang untok hendak berchakap masalaah ini di-Dewan ini, tetapi apa yang saya hendak sebutkan di-sini, ia-lah Yang Berhormat² yang telah berchakap tadi sahabat² saya, jikalau mereka itu menegor dengan niat yang jujur dan ikhlas, rasa saya bukanlah di-dalam Dewan ini di-kemukakan, kerana saya sendiri selalu nampak Yang Berhormat² itu selalu pergi ka-Jabatan di-Dewan Parlimen ini dan pernah membuat perjumpaan dengan pekerja² wanita di-Dewan ini meminta pertolongan menaip, atau sa-bagai-nya. Jikalau rasa ingin hendak menegor dengan jujur, mereka boleh menegor mereka itu, atau menasihatkan supaya mereka itu membuat pakaian yang sesuai dan bersopan santun bagaimana yang di-kehendaki, atau pun boleh menulis surat atau bersendirian datang berjumpa Setia-usaha Dewan Parlimen ini, shor²kan bagaimana chita² atau kehendak² kita itu. Terima kaseh.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di-dalam perbahathan ini B. 1, muka 27, berkenaan dengan Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat.

Baharu sa-kejap tadi Ahli Yang Berhormat dari Seberang Perai Utara telah pun beruchap supaya Ahli² Dewan Ra'ayat yang telah menjadi Ahli Dewan ini dalam beberapa tahun patut-lah diberi sara hidup atau pun pension—saya ada-lah menyokong atas shor² itu.

Dalam pada itu pula suka-lah saya hendak menyatakan ia-itu Tuan Pengerusi Dewan ini telah beberapa kali di-waktu persidangan² ini telah menyuarakan sedikit sangat Ahli² yang turut serta di-dalam perbahathan² apakala sa-lepas berehat 15 minit. Saperti mana kita tengok pada sekarang ini pun juga kita dapati banyak tempat² yang kosong. Saya tidak-lah berkata sa-kiranya Ahli² itu maseh berada di-luar Dewan ini, tetapi tidak pulang ka-rumah. Tetapi ada di-dapati beberapa

Ahli² Dewan Ra'ayat apakala mereka hadir hanya beberapa minit sahaja didalam Dewan ini, maka mereka keluar terus pulang ka-rumah dengan tidak datang² lagi. Jadi Peruntokan yang di-beri \$1,068,000 pada pendapat saya, patut-lah di-kaji sa-mula dan di-buatkan satu atoran, sa-kira-nya Ahli² Dewan Ra'ayat apakala mendaftarkan di-sini, atau pun telah menunjukkan muka sepuluh, atau lima belas minit mereka keluar dengan tidak meminta kebenaran daripada Tuan Pengerusi, maka hendak-lah Tuan Pengerusi mengadakan satu atoran sa-kira-nya mereka hendak keluar meminta kebenaran terlebih dahulu.

Sekarang saya datang kepada muka 36, Pechahan-kepala 5—Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar Pemilih ia-itu berkenaan dengan Revision of the Electoral Rolls Peruntokan \$473,654: peruntokan kepada perkara ini, saya minta sa-kira-nya, Tuan Pengerusi, kalau saya salah, minta di-betulkan. Saya telah di-fahamkan baru² ini lebih kurang 4,000 lebih daripada ra'ayat² di-Malaysia ini telah pun di-tarek balek kera'ayatan-nya. Saya hanya hendak tahu di-sini ada-kah orang² ini yang telah di-tarek balek kera'ayatan-nya maseh lagi menjadi pengundi², atau pun maseh lagi nama² mereka itu berada di-dalam daftar pengundi.

Dan yang kedua-nya saya ingin tahu, ia-itu berhubung dengan mendaftarkan pengundi² ini, saya ingat dalam satu dua tahun dahulu ada satu shor yang mengatakan supaya Penghulu² atau pun Ketua² Kampong di-beri peluang berkhidmat di-dalam mendaftarkan pengundi² di-Kampong masing². Tetapi saya tidak tahu-lah sama ada perkara itu telah di-beri perhatian oleh Kementerian ini. Saya harap pada tahun 1968 ini perkara ini dapat di-beri perhatian yang berat, kerana di-dapati maseh lagi banyak daripada yang patut mengundi umur 21 ka-atas, patut di-beri peluang mengundi, tetapi oleh sebab mereka ini ada-lah terdiri daripada orang² kampong yang harus tidak biasa keluar untuk memberi pendaftaran, sa-kira-nya Ketua² Kampong itu tidak bersama² mengikuti di-dalam pendaftaran ini.

Sekarang saya hendak datang kepada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam. Saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, sama ada Kementerian ini, atau pun pejabat ini yang bertanggung-jawab berkenaan dengan orang² yang bekerja dengan Kerajaan sa-hingga 60 tahun umur, saya tidak tahu sama ada saya boleh bawa dalam pejabat ini, atau tidak.

Tuan Pengerusi, saya telah pun diminta oleh beberapa kaki-tangan² Kerajaan, terutama sa-kali dalam Division III dan Division IV mengatakan umur had 60 tahun itu ada-lah lebih tinggi dan patut-lah di-kendorkan kepada 55 tahun sa-bagaimana biasa dahulu. Oleh yang demikian dengan ada-nya pengundoran umur kepada 55 tahun itu, ada-lah dapat memberi peluang kepada penuntut² atau pun anak² muda kita yang telah lulus School Certificate, dan sa-bagai-nya boleh di-beri peluang untuk bekerja di-tempat² yang dikosongkan oleh orang² yang telah menjelang umur 55 tahun. Kita tahu hari ini tiap² tahun beribu² daripada penuntut² yang telah keluar daripada sekolah tetapi menganggor sahaja tidak mempunyai kerja, sa-kira-nya ini dapat di-beri perhatian oleh pejabat yang tertentu, maka saya rasa soal penganggoran ini dapat di-selesaikan sedikit dan dapat di-rengankan sedikit, oleh sebab penuntut² atau pun pemuda² yang telah lulus daripada pengajian itu dapat berpeluang untuk bekerja.

Saya juga dalam akhir tahun sudah telah berpeluang melawat ka-Saigon dan Vietnam di-mana Pegawai² Kementerian Luar kita yang telah bekerja di-sana. Pada waktu itu saya dapati hanya ada lima orang sahaja yang bekerja termasuk-lah kuasa-usaha sendiri. Oleh sebab saya memandang kepada kerja² yang di-lakukan oleh pegawai² ini tersangat banyak dan biasa-nya berlaku kelambatan mereka itu bekerja, saya berharap penoh kepada Kementerian ini muga² berfikir supaya dapat di-lebihkan kaki-tangan² di-pejabat tersebut, kerana kita dapat tahu hari ini di-Vietnam Selatan sangat dekat dengan kita dan perhubungan diantara Malaysia dengan Vietnam telah bertambah² banyak. Maka oleh yang demikian ada-lah menjadi harapan

saya yang besar hari ini supaya perkara ini dapat di-ambil perhatian, begitu juga saya dapati, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perbelanjaan di-Vietnam Selatan ada-lah bertambah² lebeh tinggi di-waktu masa saya melawat di-sana, tetapi apakala masa sekarang ini saya ingat tentu-lah lebeh lagi tinggi-nya perbelanjaan hari² itu disebabkan oleh peperangan. Jadi ini juga saya minta supaya pejabat atau pun Kementerian Luar ini dapat memeriksa dan dapat menyiasat dan dapat mengambil perhatian kepada pekerja² di-Kementerian Luar Malaysia yang ada di-Saigon di-sana. Terima kaseh.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam):

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu dua perkara ia-itu perkara pada muka 34, Surohanjaya Pilehanraya, bagaimana yang telah di-kemukakan oleh rakan saya yang baharu sa-bentar berchakap tadi, ia-itu berkenaan dengan daftar pengundi² yang baharu. Kita semua tahu, ia-itu baharu² ini bagi pehak Surohanjaya Pilehanraya telah pun mendaftar pengundi² baharu dan hasil daripada pendaftaran pengundi² baharu ini, pada pendapat saya tidak-lah memuaskan. Jadi kita telah dengar juga di-dalam beberapa persidangan yang lalu chadangan² yang telah diberi oleh rakan² saya di-dalam Dewan ini supaya pendaftaran ini dapat berjalan dengan lincis. Jadi hari ini saya hendak kemukakan pendapat saya, ia-itu bagaimana chara² kita mendaftar undi² baharu, supaya mereka² ini yang telah cukup umur yang telah layak mengundi, dapat mereka daftarkan nama-nya di-dalam buku² daftar undi itu.

Baharu² ini juga kita telah dapat membacha di-dalam surat² khabar ia-itu Pengerusi Surohanjaya Pilehanraya ini telah pun mengumumkan bahawa satu chara mendaftar undi baharu akan di-jalankan dan juga barangkali kita semua tidak-lah di-beritahu bagaimana chara² untuk mendaftarkan undi yang di-hajatkan oleh Pengerusi Surohanjaya Pilehanraya kita ini. Mengikut bagaimana biasa, pendaftaran pengundi ini di-dalam tiap² kawasan telah di-berikan elaun khas pada tiap² sa-orang yang mendaftar undi, tidak kira

mereka itu dapat, atau tidak mereka² yang hendak di-daftarkan itu. Saya menchadangkan supaya pada lain kali, chara kita mengambil mereka yang hendak mengundi ini, hendak-lah di-bayar dengan bilangan, atau pun banyak mereka² yang dapat mencari pengundi² yang baharu itu. Dan kalau boleh rasa saya kita buat pula satu undang² ia-itu daftar wajib kepada mereka² yang layak mengundi.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Baharu² ini saya telah di-beri tahu oleh beberapa orang rakan² saya yang balek daripada luar² negeri, mereka telah mengadukan dan mengatakan kepada saya manakala mereka pergi melawat ka-luar² negeri di-mana negeri² itu telah di-letakkan Kedutaan² kita di-sana, kebanyakan orang² di-dalam negeri² itu tidak tahu keadaan, atau pun keadaan Malaysia kita itu, atau pun tidak tahu letak-nya di-mana Malaysia ini, dan kalau mereka itu kata Kuala Lumpur, atau Singapura baharu-lah mereka faham negeri kita ini. Jadi saya minta kepada Kementerian ini supaya dapat menambah peruntukan Jabatan Penerangan kita di-luar² negeri supaya dapat di-perhebatkan lagi penerangan² di-luar² negeri ini supaya orang² di-luar negeri yang mana di-letakkan Kedutaan kita itu dapat tahu keadaan negeri kita ini yang sa-benar-nya. Sekian, terima kaseh.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I would like to first of all preface my comments on the Heads by making a general observation which will apply to my comments on the Budget throughout the Committee Stage. I shall be guided by three points. Firstly, the Honourable Minister of Finance's very stringent statement during his Budget speech that this Budget should be considered in terms of what is absolutely necessary and essential; secondly, from my own observation that the Budget is unrealistic; and, thirdly, from my point of view that if Government were really energetic enough, it could really curtail expenditure to the extent of making it unnecessary to spend the

\$14.5 million extra which will come from the new taxes for this year. Sir, with that general observation, I think I would like to first begin by referring to items as they come in Command Paper 53.

Sir, in page 29, I refer to provisions provided for Parliament under O.C.A.R., Sub-heads 12 and 19. Sir, year in and year out in the last few years, I had always strongly advocated that the provision in the Budget for Parliament should be increased in order that the stature and the function of the Parliament shall be commensurate with its importance and its position as an essential institution in our country. Sir, I specially refer this year to this question of printing and stationery, with the hope that the Government will make every effort to provide sufficient facilities financially to enable our printed Hansard to come out in time. At the present moment, we have sufficient provision whereby cyclostyled sheets are reproduced within two days after a meeting, but even so, Sir, these sheets are not theoretically official and I hope that the Government can hasten up this question of sending out the official printed proceedings as soon as possible. To this day our printed proceedings are coming out about 18 to 19 months later than the date after the proceedings. Frequently, Sir, we have no means, theoretically, to refer to statements made in this House by responsible members of the Government by quoting them from text, apart from the unofficial cyclostyled sheets which are sent out for corrections.

Sir, with regard to Sub-head 19, the provision of \$316,800 for fixed travelling allowance to Members of Parliament, I would like to commend to the Government to seriously reconsider this form of allowance which was introduced in lieu of the travelling passes by Railway for Members which had hitherto been given. The point, Sir, I would like to state to the Government is that there are Members who live farther away from the capital than others, and the Government could work on a system of a sliding scale, whereby those who live nearer would receive less allowance for travelling—presumably these travelling allowances

are not only for the Member of Parliament but also for his wife. There are Members who live as far as 600 or 1,000 miles away who in one month's travelling, or one trip, would have incurred far more than the \$150 per month allowed for, and I hope the Government will seriously look into this matter, in order to allow the proceedings of Parliament to go on much more smoothly than they otherwise do.

Sir, I turn now to page 35, Head B. 4—Election Commission, Sarawak, provisions for which appear in different pages—in pages 35, 36 and 37—and they refer to the provisions for the elections machinery in Sarawak. Sir, on two different occasions in this House, in replies to a Member from Sarawak, the Honourable Prime Minister stated, at first, that the scheduled and constitutionally provided for elections in Sarawak will be held in April of this year, but in a later reply made, I think in this session of the House, he said that the work had not yet been fully completed and therefore it would not be likely that the Sarawak elections could be held before September or October, Sir, I would ask the Government and urge the Government most strongly to consider increasing this provision of \$39,000 plus under P.E., \$10 under O.C.A.R. and \$10 under Special Expenditure for the elections machinery in Sarawak, in order to make it possible for the people in Sarawak constitutionally, by the Agreement which created Malaysia, to hold their elections as promised to them in April of this year. Sir, this is an expenditure which is necessary and the Government cannot shirk spending this sum of money whether it likes it or not. Sir, from the point of view of democratic development, it is far more essential that this House should be willing to permit further expenses for the provision for the Election Commission, particularly for that section in Sarawak, in order that these elections can be held during the time provided for by the Constitution rather than to change and amend the Constitutional provisions and the Agreement made on the formation of Malaysia and postpone the elections in Sarawak to a much later date than April of this year.

Sir, I turn now to page 39, Head B. 5 with a total provision for Recruitment and Personnel Division of the Malaysian High Commissioner's Office, London of \$51,408. Sir, this is one of the interesting vestigial remnants of the colonial days. In view of the fact that we have been talking about Malayanisation and now Malaysianisation ever since we became independent in 1957, this provision of an office carrying emoluments of \$51,000 over to try and recruit officers in London, I feel, Sir, is something outdated and could be done away with quite easily without in any way detracting from the functions and the needs of the country in this direction.

Sir, I turn now to page 41 and refer to the provisions that are made for the Railway Service Commission—there is a total provision of \$110,670. Sir, the Railway Service Commission must serve a very important function and it is one of the Commissions which receive our full support on one condition, namely, that it really works. If it does not work, it is far better to scrap it and not spend this large sum of money.

Sir, year in and year out the Railway Administration, under the guidance of the Railway Service Commission, loses money and finds itself in difficulty over administrative and financial problems. But, there is one problem which confronts us today and I think later on when we come to the provisions and the budget for the Ministry of Transport, the Minister of Transport will bear this out. Sir, in our Development Plans we have provided for the conversion of two of the five berths in Butterworth into terminal container ports for this country. Sir, I think in the regional survey on transport services, it was quite clear that there were two means of servicing containerisation, if and when it comes to this country, and that is either by road or by rail. We will take up the question of the possible road transport when it comes under its proper Head. But I feel, Sir, that the Railway Administration, and the Railway Service Commission in particular, can look into this problem of how it can guide policy, in order to ensure that this is a situation

where the Railways can really make a new start in its tenure of life in this country. Sir, in other countries containerisation has provided the revival of the railway services in those countries and, Sir, I hope that the Railway Service Commission will be alive to this, and if they are alive to it, they will be very much active in their attitude towards this possible containerisation in view of the expenses that have already been incurred on the two deep water berths in the port of Butterworth.

Sir, I turn now to pages 48, 53 and 55 under Head B. 7 to touch on briefly the provisions for P.E. O.C.A.R. and Special Expenditure of the Economic Planning Unit, the Malaysian Centre of Development Studies, and the Development Administration Unit. Total provisions are: Economic Planning Unit, P.E. \$625,993; O.C.A.R. \$71,850, and Special Expenditure \$450,912—and it goes on. The comment I wish to make, Sir, is that it is quite clear that each year we are spending large sums of money, well over a million dollars, for planning for economic development. Yet, Sir, it appears as though the planners, whom we must accept to be men of credibility and efficiency, produce plans which the Ministers chop and change during their tours to give on the spot grants. Either these economic planning units are efficient and have given us plans for development that will advance this country's economic development, or else these planning units are not necessary. Sir, I would most seriously urge that if the Honourable Prime Minister wishes to have these large units to serve in his Department, either he strictly follows the advice of these planning units and keep to them, or else he should do away with them and cut them down and go about dishing out grants willy-nilly and plan willy-nilly. Sir, I feel, however, that in view of the fact that we spend annually these large sums of money, the Government should strictly keep to the plans that are provided for each year, and to the provisions and the plans made by these three Departments.

Sir, an indication of the type of divergence which this Government can adopt is shown by a subject that has

already been touched by the Honourable Lady Member, who spoke just before me, and that is the provision for the Salaries Commission which in this particular Command Paper now appears as a blank. We presume, therefore, that the work of the Salaries Commission is now completed. We also understand that the Salaries Commission, which was a very hard working Commission, having completed its work, having reported its work, at great expense to this country, now finds that its Report is being pigeon-holed. Under the present financial policy of the Government, the salaries are all being frozen and the Salaries Commission's work, to all intents and purposes is work that was paper work which really has no bearing to us immediately or in the future. So, Sir, I hope that the present provision for the Teachers Salaries Commission—Personnel Emoluments coming out to \$181,286—will be more meaningful to this country. That is to say, Sir, I strongly urge that if we are going to spend that sum of money for the Commission to function and for the Commission to look into the question of the salaries of the teachers and to produce a Report, then the Government should abide by the Report and act on it. If the Government has got no intention, as has already been stated by the Minister of Finance that to all intents and purposes any upward trend in the salaries would be immediately restricted, if the Government has got no intention whatsoever to raise salaries of public servants, then the provision for the Teachers Salaries Commission would be another provision which will be wasteful and meaningless, I hope, Sir, that if we pass the Budget with this particular Commission, the Government will keep faith with its promise of looking into the question of revising the salaries of the teachers and will act immediately upon recommendations of that Commission. In so saying, Sir, I add my views to that of the Honourable Lady Member who spoke before me, namely that the Government cannot very much longer avoid facing the issue of giving women in the service equal pay with the men. It is one of the cardinal pro-

mises that has been made and if we are, in this House, to be asked each year to provide large sums of money for these purposes of creating Commissions to look into the salary structures then the Government should and must work and act upon what is reported.

I refer to page 59, Head B. 7, Sub-head 66, "Contribution to National Family Planning Board for Administrative Expenses—\$1,600,000". We realise that the Government has reached a stage in its economic resourcefulness that family planning, from the point of view of restriction of the population explosion, is all important in the long-term economic stability and the well-being of our country. If we do not manage to keep this population explosion from really taking place in this country, then all our efforts at the present time, we have been told, in the next five years will be meaningless. We have been told this last year and we have been again told the same thing this year. So, Sir, I feel this Family Planning Board is an important matter. However, I do hope that the members of the Board, especially the Chairman of the Board, should not treat the subject in a light-hearted way; it is a serious situation and I would suggest the Government probably in order to stress the seriousness of the situation that this particular item could be taken out from just subventions under the Prime Minister's provisions in the Budget and put in as a definite item of expenditure in the Budget. When the Honourable Minister of Education, as the Chairman of the National Family Planning Board, talks about the green wave help by the pill and the prevention of accidents in bed, I feel that the whole seriousness and intent of the Family Planning Association become ludicrous. We are faced with a grim prospect of control of population, and so I feel that the administrative aspect of this administrative should be directed towards not the frivolity in the rate of population but a serious attitude of the people towards the whole question of population growth. However, I would like to suggest that this is an item which could be co-ordinated with the items which are provided for under the

Ministry of Health both from the point of view of the work done by the obstetricians and gynaecologists in the General as well as the work done by the Cancer Research Institute, because the Family Planning Association could well integrate work that will not only pertinently direct its aim to the control of population but the Family Planning Association could have as a very important ancillary help those in our country who are unable to produce children. Family Planning, as such, has both its negative as well as its positive aspects and the work of that nature could be very easily coupled with the work that is done from the point of view of cancer prevention, particularly amongst women.

I now refer to page 248, provisions for P.E. for the High Commission's Office in Singapore. In general, the provisions for the Ministry of Foreign Affairs show the Government's lackadaisical attitude towards the external world. If we run through quickly the provisions for the established Consulates and High Commissions and Embassies abroad, it appears as though the Government has got a rather sketchy attitude. We have been told time and again that the main functions of our foreign representations are to build up the stature and the relationship of Malaysia with the external world and at the same time to strengthen our trade ties with the countries to which we send our representatives. However, we spend large sums of money apparently without fulfilling these two particular objectives. On the one hand, we send them to places where there is not very much trade, or else we send people representing us who cannot really carry the image of Malaysia to its fullest extent. I do not wish to refer back to a subject which has already been touched upon, but I do hope that in spending large sums of money in external affairs and the provisions for Personal Emoluments and O.C.A.R. for our ambassadorial staff and representatives abroad, the Government will be very much more careful in selecting the calibre of men whom they send abroad as our representatives.

I had referred particularly to this question of Singapore, which is just next door to us, and therefore an area where any of our citizens can conveniently go and have a look at how our representative unit there is run. I had the unfortunate experience of visiting our High Commission's Office in Singapore on several occasions and I would not like to elaborate here in the House, but I do feel that if the Honourable Prime Minister or the Minister of Foreign Affairs has occasion to send some inspectorate to the High Commission down in Singapore, he will realise that instead of presenting the image of Malaysia in the proper manner, what we have actually done is to present to our own Malaysian citizens a picture of foreign representation where on entry into our own High Commission's ground, Malaysians are treated with mild contempt and we are met with Secretaries and Under-Secretaries who have their feet up on the tables and cigarette ash tray full of cigarette-ends, who refer Malaysian citizens to come again and again and again to fill up forms. For example, I can quote without any hesitation one particular instance. An appointment was made for an applicant to return to the High Commission at a subsequent date. The subsequent date turned out to be the birthday of His Majesty the Yang di-Pertua Agong, which was a public holiday! If we are sending out staff of that calibre to staff our High Commissions, I suggest we are spending money either wrongly or we are spending money unnecessarily—either we have efficient High Commissions or we should not have them.

I would like to refer to page 253, the provisions for the Consular Service in Taipeh. Sir, here is an anomaly. We do not recognise the country, but we have a Consular Service in Taipeh. I would like to know categorically whether the Government has changed its policy and now recognise Nationalist China. If it does, what is the attitude of the Government with regard to the question of the two Chinas, or the one China, or the question of the Republic of China. Earlier on in this Session of this

Tuan Pengerusi: Order, order, the time is now 6.30 p.m.

Majlis Bersidang sa-mula sa-bagai Majlis Meshuarat.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan, 1968, telah sam-

pai pada Kepala B. 1 hingga B. 11 di bawah Jabatan Perdana Menteri dan B. 20 dan B. 21 di bawah Kementerian Luar Negeri dalam Jadual Rang Undang² ini.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.33 petang.